Jilid II
Bil. 30

Hari Selasa
11hb Januari, 1977

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 2661]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pemberian Pertambahan Hasil [Ruangan 2671]

Rang Undang-undang Pemberian Mengikut Bilangan Orang [Ruangan 2709]

Rang Undang-undang Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan) [Ruangan 2733]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 2724]

DICETAK OLEH
IBRAHIM BIN JOHARI, P.I.S., KETUA PENGARAH PERCETAKAN
SEMENANJUNG MALAYSIA, KUALA LUMPUR
1978

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Perak).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).

„ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).

„ DATUK ABDUL AZIZ BIN TAPA, D.K.S.J., A.M.N., P.J.K. (Melaka).

„ GENERAL TAN SRI ABDUL HAMID BIN BIDIN (Dilantik).

„ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).

„ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).

„ TUAN V. V. ABOO, A.M.N., J.P. (Dilantik).

„ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).

„ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).

„ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).

„ TUAN AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN (Dilantik).

„ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).

„ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).

„ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).

„ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).

„ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).

„ PUAN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).

„ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).

„ DATUK SERI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).

„ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).

„ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).

Yang Berhormat TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).

„ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).

„ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).

„ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).

„ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).

„ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).

„ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).

„ TAN SRI LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).

„ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).

„ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).

„ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).

„ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).

„ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.B. (Dilantik).

„ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).

„ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurina Panglima Raja (Pahang).

„ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).

„ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).

„ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).

„ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).

„ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).

„ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).

„ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).

„ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).

„ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).

„ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).

„ TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).

„ TUAN TING MING HIA (Sarawak).

„ PUAN HAJJAH CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).

„ TUAN S. M. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).

„ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).

„ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).

„ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.P.N., P.J.K. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.
Louis Yeoh Sim Ngoh.
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Suhor bin Husin.
Amran bin Ahmad.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Margaret Chye Kim Lian.
Puan Ng Chong Kin.
Puan Kong Yooi Thong.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Said.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 11hb Januari, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

BANGUNAN MAHKAMAH BARU TAPAH

1. Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa bangunan mahkamah Tapah telah terlalu tua, dan jika ya, samada beliau bercadang membina sebuah mahkamah baru untuk menggantikannya.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa Mahkamah Tapah adalah terlalu tua dan oleh yang demikian Kerajaan bercadang untuk menggantikannya dengan sebuah mahkamah baru di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Kajian sedang dibuat untuk mempastikan samada mahkamah baru itu patut dibina di atas tapak mahkamah yang sedia ada atau di lain tempat yang didapati lebih sesuai.

PAKAR-PAKAR UNTUK MENGKAJI PERUSAHAAN BARU

2. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian samada pakar-pakar telah diambil bekerja untuk mengkaji tentang keadaan perusahaan-perusahaan yang baru yang ditubuhkan di negara ini sebelum mengeluarkan lesen-lesen kepada mereka bagi memastikan bahawa mereka tidak menjual barang-barang keluaran mereka dengan harga yang tinggi, jika mereka tidak dapat menjual dengan harga yang lebih rendah bagi barang-barang keluaran mereka sekurang-kurangnya mereka boleh menjual dengan harga yang sama dengan barang-barang yang diimpot tanpa mengenakan sebarang cukai perlindungan atas barang-barang tersebut.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, penilaian ke atas permohonan-permohonan bagi menubuhkan perusahaan baru di negeri ini adalah salah satu daripada tugas utama Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (FIDA) dan Bahagian Perusahaan Kementerian saya. Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan mempunyai tenaga kerja yang berkebolehan yang terdiri daripada ahli-ahli ekonomi, juru analisa kewangan dan jurutera bagi berbagai bidang pengkhususan yang mengkaji dari beberapa segi terhadap semua permohonan-permohonan baru. Salah satu daripada aspek ini terutama dalam menubuhkan perusahaan besar yang melibatkan perlindungan tarif satu penilaian yang mendalam ke atas harga dan akibatnya ke atas pasaran tempatan adalah sentiasa dikaji.

Sebagai tambahan kepada penilaian kepada peringkat ini, apakala perusahaan yang sedia ujud membuat permohonan untuk perlindungan tarif atau perlindungan-perlindungan lain Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan mengkaji dengan teliti akibat kenaikan harga ke atas pengguna-pengguna tempatan.

Ahli Yang Berhormat bolehlah menganggap bahawa segala yang patut telah dan akan dilakukan supaya pengguna-pengguna tempatan tidaklah akan dibebankan dengan kenaikan harga yang tidak berpatutan. Di mana yang sesuai adalah menjadi dasar Kementerian mempastikan bahawa perusahaan tempatan mengenakan harga yang berpatutan kepada pengguna-pengguna tempatan.

GURU-GURU YANG FASIH DALAM BAHASA MALAYSIA

3. **Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan kepada kekurangan guru yang fasih dalam Bahasa Malaysia apakah langkah-langkah konkrit yang telah diambil oleh Kementerian ini untuk menentukan bilangan guru-guru yang fasih dalam Bahasa Malaysia mencukupi baik di Sekolah Rendah ataupun Menengah terutama sekali Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Inggeris), dengan tujuan untuk memberikan pelajaran yang sempurna kepada penuntut-penuntut.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran mengambil 3 langkah yang amat konkrit untuk menentukan bilangan guru-guru yang fasih dalam Bahasa Malaysia mencukupi baik di Sekolah Rendah ataupun Menengah, terutama sekali di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Inggeris) bagi menyampaikan pelajaran yang sempurna kepada murid-murid.

Pertama sekali ialah mengadakan kursus Bahasa Malaysia bagi guru-guru terlatih bukan Melayu.

(*a*) Kursus ini dijalankan semenjak 1970 dan diadakan berperingkat-peringkat dengan guru-guru terlatih bukan Melayu yang mengajar di Sekolah-sekolah Rendah yang dahulunya disebut Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris) mengikutinya terlebih dahulu. Kemudian diikuti pula oleh mereka yang mengajar matapelajaran Sastera di Sekolah Menengah dan seterusnya mereka yang mengajar matapelajaran Sains di Sekolah Menengah. Kursus ini akan selesai pada tahun ini.

(*b*) Dengan mengadakan kursus ini, maka Kementerian Pelajaran tidak menghadapi sebarang masaalah dalam hal penukaran Bahasa Pengantar dari Bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia baik di Sekolah Rendah mahupun di Sekolah Menengah.

Yang Kedua ialah dengan mensyaratkan tiap-tiap seorang calun untuk masuk Maktab Perguruan memiliki sekurang-kurangnya kepujian dalam Bahasa Malaysia peringkat S.P.M./M.C.E. semenjak 1970. Walau bagaimanapun, calun-calun yang hanya "lulus" dalam Bahasa Malaysia peringkat S.P.M./M.C.E. boleh juga dipertimbangkan jika mereka mempunyai kepujian dalam matapelajaran-matapelajaran yang tertentu, tetapi mereka dikehendaki memperolehi kepujian Bahasa Malaysia ini sebelum mereka tamat latihan.

Yang ketiga ialah dengan menjalankan langkah-langkah menjadikan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Pengantar secara berperingkat-peringkat di Maktab-maktab Perguruan dari tahun 1970. Maka pada tahun 1975 semua Maktab Perguruan telah boleh menggunakan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Pengantar. Dengan berbuat langkah seperti ini, maka semua guru lulusan Maktab Perguruan semenjak tahun 1972 adalah fasih dalam Bahasa Malaysia dan mereka itu tidak perlu mengikuti kursus Bahasa Malaysia bagi guru-guru terlatih lagi.

Datuk Abdul Aziz bin Tapa: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ada mengatakan bahawa banyak guru-guru yang bukan Melayu diberi kursus untuk mengajar Bahasa Malaysia. Saya ingin tahu dari Timbalan Menteri yang berkenaan adakah guru-guru bukan Melayu yang diberi kursus untuk mengajar Bahasa Malaysia ini yang kurang berminat untuk mengajar Bahasa Malaysia? Jika ada, apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian Pelajaran terhadap guru-guru yang berkenaan?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di Pertua, sepanjang pengetahuan saya tidak ada, jika ada tentulah kita akan cuba mengambil langkah supaya mereka dapat jalankan tugas-tugasnya supaya guru-guru seperti itu dapat berminat dalam kursus itu oleh kerana itulah tugas mereka.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Bila dijangka guru-guru dalam bidang soal ini dapat memenuhi hasrat Kementerian Pelajaran.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham sedikit soalan Yang Berhormat ini, tetapi walau bagaimanapun, hasrat Kerajaan memberikan kursus kepada semua guru-guru bukan Melayu fasih dalam Bahasa Melayu. Ini satu rancangan yang kita telah mulakan semenjak tahun 1970 seperti saya katakan dalam jawapan saya tadi. Jadi apabila tamat kursus itu tahun ini kita berharap semua guru-guru tersebut boleh fasih dalam Bahasa Melayu baik dalam

pengajaran sastra mahupun di dalam pengajaran sains. Dengan itu, saya harap kita akan dapat mencapai hasrat atau matlamat kita.

KEMALANGAN JALANRAYA

4. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Undang-undang menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementeriannya untuk menyegerakan membekal Plan Rangka, Kunci dan Gambar-gambar dalam kes-kes kemalangan jalanraya kepada mangsa-mangsa atau Peguambela mereka kerana terdapat kelambatan membekalkan benda-benda tersebut dalam banyak daerah-daerah oleh pihak Polis dan dengan demikian menyebabkan kesusahan kepada mangsa-mangsa kemalangan dan kelambatan dalam menjalankan keadilan.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, pihak Polis sentiasa memberi layanan yang saksama pada mangsa-mangsa kemalangan jalanraya atau Peguambela mereka apabila satu permohonan diterima daripada mereka untuk membekalkan rajah-rajah kasar dan kunci-kuncinya. Walaupun demikian, terdapat juga kelambatan untuk membekalnya tetapi tidaklah keadaan sedemikian itu menyeluruh. Kelambatan untuk membekalkan rajah-rajah kasar beserta dengan kunci-kuncinya kerap berlaku disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut:

(*a*) Didapati ada permohonan-permohonan untuk mendapatkan salinan lapuran Polis, rajah kasar dan kunci dibuat 3 atau 4 tahun selepas satu-satu kejadian kemalangan berlaku. Mengikut peraturan dan arahan-arahan tertentu berkenaan penyimpanan kertas-kertas siasatan trafik, biasanya satu-satu kertas itu disimpan selama 3 tahun bagi kes-kes yang melibatkan kecederaan ringan dan 5 tahun bagi kes-kes yang melibatkan kematian selepas kes-kes itu diselesaikan di Mahkamah. Selepas itu kertas-kertas berkenaan adalah dimusnahkan. Apabila satu-satu permohonan dibuat selepas dari tempoh-tempoh yang dinyatakan maka pihak Polis terpaksa mengambil tindakan membongkar untuk mengesan kertas-kertas yang lama itu daripada buku-buku repot.

(*b*) Seringkali didapati permohonan-permohonan yang dibuat tidak menyatakan butir-butir yang penuh atau lengkap dan hanya memberi tarikh-tarikh kemalangan dan nombor kenderaan yang terlibat di dalam kemalangan itu sahaja. Oleh yang demikian, pihak Polis terpaksa menyemak beberapa buku-buku repot untuk mengesan nombor repot kemalangan yang dikehendaki dan masaalah seperti ini adalah sangat rumit terutama sekali di Bandaraya Kuala Lumpur di mana pada tiap-tiap hari sebanyak lebih kurang 115 repot kemalangan jalanraya diterima oleh pihak Polis.

(*c*) Didapati ada Peguambela dan Peguamcara yang kurang memahami tentang peraturan dan arahan-arahan Peguam Negara mengenai pembekalan salinan lapuran Polis dan lain-lain dokumen kepada orang awam. Mengikut arahan Peguam Negara mereka yang berhak menerima salinan lapuran Polis dan lain-lain dokumen adalah mereka yang terlibat di dalam satu-satu kemalangan jalanraya; mereka yang membuat lapuran dan juga Peguambela atau Peguamcara mereka. Tetapi sebaliknya didapati ada juga Peguambela dan orang-orang perseorangan yang tidak ada kaitan membuat permohonan untuk mendapatkan salinan lapuran dan rajah-rajah kasar yang dibuat oleh Polis.

Sekiranya permohonan untuk mendapatkan lapuran Polis, rajah-rajah kasar dan kunci-kuncinya dibuat dalam keadaan yang tersebut tadi kelambatan untuk membekalkannya tidaklah dapat dielakkan. Bagi memudahkan kerja Polis dan bagi mencepatkan lagi pembekalannya maka kerjasama pihak-pihak yang memohon untuk mendapatkan salinan lapuran Polis dan lain-lain dokumen itu adalah sangat-sangat diperlukan. Bagi memudahkan lagi pembekalan salinan-salinan lapuran Polis ini, tindakan telah diambil untuk menambah lagi pembekalan mesin-mesin fotostat kepada Cawangan-cawangan Trafik dan juga kepada pejabat-pejabat Polis sehingga ke peringkat daerah.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kunci-kunci dan gambar kemalangan menjadi sangat penting dan menjadi keterangan di masa perbicaraan, adakah Menteri berkenaan sedar bahawa biasanya keterangan dan tempat kejadian itu dicampurtangan oleh pihak berkuasa? (Evidence is tempered with at the

scene of accident). Adakah Yang Berhormat sedar kejadian itu?

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, dakwaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya fikir sangat serious, sekiranya ada pihak berkenaan temper atau menyalahgunakan atau mengubah sesuatu evidence atau bukti sesuatu kemalangan perkara itu perlu diambil tindakan yang keras, tetapi setakat ini Kementerian Undang-undang tidak ada mendapat sebarang lapuran atas terjadinya sebarang tampering of evidence atau pengalihsuaian rajah-rajah yang dialami oleh mana-mana pihak. Sekiranya perkara ini berlaku, tindakan di bawah beberapa peruntukan undang-undang boleh diambil, baik kepada pegawai-pegawai yang terlibat atau mana-mana pihak yang campurtangan dalam soal tersebut.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Daripada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kertas-kertas siasatan dimusnahkan selepas beberapa tahun. Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya apakah kemungkinan bagi pihak Jabatan Polis menyimpan rekod-rekod itu secara microfilm supaya apabila permohonan dibuat maka salinan dapat diberikan kepada mangsa-mangsa untuk mendapat pembelaan.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, syor yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu saya rasa amatlah berguna dan sebenarnya proses seperti ini sedia dijalankan di negara-negara seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom di mana sistem penyimpanan rekod mereka telah dikaji semula dan disesuaikan dengan kemampuan negara-negara berkenaan. Di Malaysia ini setahu saya belum dapat kita adakan progrem seperti ini, tetapi walau bagaimanapun syor seperti ini berupa satu syor yang baik dan sekiranya ada kemungkinan dari segi kewangan saya percaya pihak Polis akan dapat mengkaji dan mengimplementasikan. Pihak saya akan mengemukakan syor ini secara rasmi kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, kadang-kala kunci dan gambar-gambar di tempat kejadian tidak dibuat oleh pegawai penyiasatan kemalangan itu. Saya ingin tahu adakah tiap-tiap kemalangan itu samada kecil atau besar, gambar-gambar dan kuncinya mesti dibuat.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, setiap kemalangan jalanraya, kecuali yang tidak dilapurkan kepada pihak Polis adalah diambil tindakan oleh pihak Polis, yang biasanya menjalankan siasatan itu secepat yang mungkin iaitu dalam tempoh yang menasabah setelah diterima lapuran kemalangan tersebut, tetapi kes-kes itu tidaklah dapat meliputi kes-kes di mana lapuran tidak dibuat. Jadi setakat rekod dan perjalanan penyimpanan rekod yang ada kepada pihak Polis tidak ada kes yang tidak disiasat setelah diadakan aduan kepada pihak yang berkenaan. Sekiranya Ahli Yang Berhormat mendapati ada kes yang diadukan tetapi tidak ada penyiasatan dibuat dan seterusnya menyediakan rajah kasar dan kunci-kuncinya sekali mintalah dikemukakan peristiwa tersebut kepada pihak yang berkenaan.

Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa banyakkah dalam satu hari kemalangan terjadi?

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada menjawab iaitu di Kuala Lumpur sahaja ada 115 lapuran kejadian kemalangan jalanraya yang dikemukakan kepada pihak Polis. Kejadian kemalangan di negeri-negeri lain tidak dapat diberikan pada masa ini, tetapi boleh diberikan sekiranya Ahli Yang Berhormat itu perlukan untuk rujukan.

KERETAPI KE KUANTAN/KUALA TRENGGANU

5. Datuk Dr Wee Khoon Hock minta Menteri Perhubungan menyatakan samada Kerajaan akan merancangkan Perkhidmatan Keretapi ke Kuantan dan Kuala Trengganu yang sedang memperkembangkan perdagangan dan perindustrian, dalam tempoh Rancangan Malaysia Yang Ketiga.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan sedang menjalankan kajian secara dua peringkat:

Peringkat pertama ialah kajian secara menyeluruh mengenai pengangkutan jalan dan keretapi bagi seluruh Malaysia di bawah Kajian Pengangkutan Am (General Transport Study).

Peringkat kedua ialah kajian tertentu mengenai keretapi sahaja di antara Kuala Lumpur ke Kuantan dan ke Trengganu di bawah rancangan bantuan Kerajaan Belgium.

Pada masa sekarang ini kajian di bawah peringkat yang pertama sedang berjalan dan kajian peringkat yang kedua akan dijalankan sebaik sahaja penentuan kajian peringkat pertama telah dibuat.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri membayangkan kepada Dewan ini berapa lama peringkat yang pertama itu akan dapat disiapkan atau dapat dirujukkan kepada Ahli Yang Berhormat yang bersedia hendak mengetahui. Terima kasih.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, masaalah ini sukar hendak saya jelaskan atau memberi pengakuan kerana masaalah ini bergantung kepada kemungkinan-kemungkinan.

Datuk Abdul Aziz bin Tapa: Saya ingin tahu dalam kajian keseluruhan itu adakah dimasukkan tambahan rel keretapi daripada Tampin ke Melaka.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi gambaran atau penjelasan kepada Yang Berhormat itu, tetapi memadai saya katakan kajian itu dibuat secara menyeluruh mengenai pengangkutan jalan dan keretapi di seluruh negara.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengambil pandangan permohonan seorang Ahli Dewan, umpamanya, mengkaji Keretapi di bawah tanah dari satu bandar besar ke satu bandar besar atau dalam lengkongan Kuala Lumpur ke Petaling Jaya umpamanya dimasukkan ke dalam kajian yang pertama itu.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, masaalah ini mungkin dapat ditimbangkan bergantung kepada keadaan mustahak dan kepentingan keadaan itu.

SEKOLAH-SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL

6. Tuan S. M. Vellayappa minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan mengadakan siasatan terhadap keadaan buruk Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di seluruh Malaysia Barat dan menguntukkan anggaran perbelanjaan serta mengatur progrem untuk memperbaiki sekolah-sekolah ini.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang, penyiasatan adalah tidak perlu kerana perhatian yang berat telah diberikan oleh semua Pengarah-pengarah Pelajaran Negeri mengenai kedudukan semua sekolah yang berkeadaan begitu di seluruh negara. Mengenai peruntukan pula, sekolah-sekolah yang berkeadaan demikian akan dipertimbangkan peruntukan yang sesuai apabila mendapat lapuran dan sokongan dari Pengarah-pengarah Pelajaran Negeri, tidak kira jenis sekolahnya.

PERUNTUKAN SEKOLAH-SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL

7. Tuan S. M. Vellayappa minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Menteri berkenaan akan mengulangkaji Sekim Bantuan Modal untuk mendirikan Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dengan diberi bantuan modal penuh dengan mana pembinaan serta penyatuan (regrouping) sekolah-sekolah kecil jenis ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Bantuan Modal memang diadakan tiap-tiap tahun. Bantuan ini diberikan kepada semua sekolah-sekolah yang layak menerima tidak kira jenis sekolah asalkan ianya Sekolah Bantuan Penuh (Bukan Milik Kerajaan). Keutamaan akan diberikan kepada sekolah-sekolah yang memerlukan bilik-bilik darjah dan kemudahan-kemudahan asas lain seperti bekalan air, tandas, kantin dan lain-lain. Mengenai penyatuan sekolah-sekolah kecil pemberian Bantuan Modal penuh tidaklah dapat diadakan kerana ini akan memakan belanja yang besar yang melibatkan pengambilan tapak, pembinaan dan alat kelengkapan pada hal peruntukan yang diadakan hanyalah untuk membantu sahaja. Selain dari itu percantuman pula akan melibatkan perkhidmatan guru-guru besar sekolah-sekolah yang berkaitan yang mungkin terpaksa menjadi guru biasa. Masaalah juga timbul mengenai pengangkutan anak-anak ini ke sekolah pusat jika dibina nanti.

PENGANGKUTAN ANAK PEKERJA LADANG DI SEKOLAH-SEKOLAH

8. Tuan S. M. Vellayappa minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Menteri akan mengambil langkah-langkah untuk mendesak tuan empunya ladang-ladang memberi bantuan pengangkutan untuk anak-anak pekerja menghadiri Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Tamil yang disatukan (Regrouped Schools) dan Sekolah-sekolah Menengah di bandar seperti termaktub dalam Lapuran Pelajaran Razak.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, pemberian bantuan pengangkutan kepada anak-anak pekerja, yang menghadiri Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Tamil yang disatukan (Regrouped Schools) dan Sekolah-sekolah Menengah di bandar, adalah satu perkara untuk ditimbangkan sendiri oleh Pengurusan ladang (estate management).

Saya tidak ada keraguan bahawa sekiranya rayuan dibuat oleh ibubapa, Pengurus-pengurus Ladang atau Pengurusan Ladang akan sanggup menyediakan kemudahan-kemudahan seperti ini, sebagai pemberian majikan yang baik.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, adakah menjadi satu amalan Kementerian ini iaitu memberikan bantuan sebagaimana yang disebutkan dalam soalan ini kepada satu-satu kaum sahaja dan tidak meliputi anak-anak kita lain-lain kaum, cuma ditujukan kepada orang India sahaja?

Tuan Chan Siang Sun: Tidak, kalau kita dapat memberikan kemudahan pengangkutan tentulah meliputi semua kaum. Inilah semangat Malaysia kita (*Ketawa*).

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PEMBERIAN PERTAMBAHAN HASIL

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan atas Masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (10hb anuari, 1977).

2.56 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyambung ucapan saya semalam dalam menyokong Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita. Sesuai sangat dengan tujuan dan maksud pemberian di bawah seksyen 3 dan 4 bagaimana yang telah ada dalam Jadual ini iaitu (*a*), (*b*), (*c*) dan (*d*), perbekalan air semalam saya telah cakap, sekarang saya hendak sentuh dalam perkara (*d*) apa-apa projek pembangunan dalam negeri.

Yang saya hendak tujukan, Tuan Yang di-Pertua, kepada negeri saya negeri Johor. Sebagaimana kita sedia maklum bahawa sebuah Kerajaan Negeri yang lebih pantas dan awal melaksanakan apa-apa juga rancangan yang diarahkan oleh Kerajaan Pusat. Saya beri satu contoh iaitu Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan telah mengarahkan supaya disusun semula majlis-majlis tempatan maka dengan ini Kerajaan Negeri Johor dengan pantas telah menyusun semula semua Majlis-majlis Tempatan dengan mengadakan Majlis Daerah dan sebuah daripadanya Majlis Perbandaran Negeri Johor akan selesai selewat-lewatnya akhir bulan Mac tahun ini. Bila disebutkan penyusunan ini, Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara yang serious yang ada kaitan dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan ini iaitu berhubung dengan kekurangan wang. Jadi bila hendak jalankan pentadbiran dengan licin dan sempurna dalam penyusunan itu, wang perlu dikehendakki, walau pun Majlis ini telah ada mengutip cukai-cukai yang tertentu tetapi pada peringkat awal ini sukar sangat hendak didapati dengan begitu banyak. Yang Berhormat Menteri yang berkenaan iaitu Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan waktu datang ke negeri Johor telah membuat satu ikrar dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar iaitu beliau akan memberi satu peruntukan Kerajaan Pusat dalam rancangan ini akan membekalkan sebanyak $3 million, kalau tak silap ingatan saya, untuk diberikan kepada Kerajaan Negeri Johor dan akan diberi dengan segera. Tetapi malangnya, benda yang ditunggu tak tiba, kata beliau bahawa sangkutnya ini kepada Perbendaharaan. Jadi dengan ini, saya harap Menteri Kewangan akan dapat menegok semula bahawa peruntukan yang diminta oleh Kerajaan Negeri Johor melalui Kerajaan Tempatan itu supaya dapat disegerakan

dengan seberapa yang boleh untuk melicinkan pentadbiran Kerajaan Negeri.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu semalam telah menyebutkan dalam masaalah pemberian jalanraya (road grants). Ini satu perkara yang membanggakan. Gemar saya menyentuh apa yang berlaku dalam Negeri Johor sebagaimana yang saya telah katakan tadi atas kepantasan Kerajaan Negeri Johor dalam bidang menyiapkan jalanraya dalam negeri itu yang dipersetujui oleh Kerajaan Pusat, Jabatan Kerja Raya dalam tahun yang lalu telah menelan belanja hampir $5 million. Dalam peruntukan yang begini besar, kita telah kemukakan balik kepada Kerajaan Persekutuan supaya dibayar balik tetapi malangnya yang diberikan, hanya $500 ribu sahaja. Peruntukan untuk buat jalan sebanyak $5 million sedangkan yang dibayar $500 ribu. Jadi kalau dibayar balik $500 ribu ini, kami boleh membuat jalan yang lain-lain menurut Rancangan Malaysia Ketiga. Ini satu perkara yang saya fikir tidak tahu di mana kelemahannya. Dan dengan kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri Kewangan dapat kiranya memerhatikan perkara yang saya bangkitkan ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya memberi sokongan dan sekalung bunga kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan daripada Kerajaan Johor atas satu pemberian yang bersejarah sebagaimana kita sedia maklum dan kalau $50 million diberi kepada sesebuah negeri, kepada Negeri Johor, saya minta $100 million semalam dan kalau tidak boleh $100 million, berapa yang boleh, $60 million pun jadilah. Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

3.02 ptg.

Datuk Abdul Aziz bin Tapa: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang Pemberian Pertambahan Hasil, 1976 ini.

Saya bersetuju dengan rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat semalam iaitu memuji-muji Yang Berhormat Mulia Tengku di atas pemberian ini dan saya teringat ada satu pantun yang berbunyi:

Apa guna menanam selasih,
Kalau tidak dengan buahnya;
Apa guna kita berkasih,
Kalau tidak ada tanda rupanya.

Nampaknya Yang Berhormat Mulia ini sudah menunjukkan tanda rupanya, kasih di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri. Ini ada tanda rupanya. Benar dan patutlah Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari semalam telah memuji-muji dan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia itu.

Saya sebagai wakil Negeri Melaka tidaklah dapat berhujjah secara provincialism, kerana seperti orang Trengganu, mereka ada telaga minyak dan orang Johor kononnya ada Tambak Johor, banyak hasil Kastam, tetapi Melaka tidak ada apa-apa. Yang tinggal buah dengan batang Melaka sahaja (*Ketawa*), tetapi kalau batang dan buah ini still active, they can produce their descendants—boleh tambah lagi. Tetapi dalam pada itu bagi Negeri Melaka, yang ada cuma air mata dan darah sahaja. Oleh itu saya doakan Yang Berhormat Mulia agar dipanjangkan umurnya, oleh kerana beliau belum berumahtangga, akan dapat isteri yang salih dan mendapat anak yang salih dan juga Haji ke Mekah. Itulah doa orang Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan yang hendak digunakan wang yang diberi itu, Negeri Melaka nampaknya mendapat peruntukan sebanyak $3.2 million. Negeri Melaka itu kecil, tetapi orangnya ramai, pembangunannya banyak yang hendak dibuat. Oleh sebab itu Yang Berhormat Mulia ataupun Kerajaan telah memikirkan walaupun Negeri Melaka itu kecil, ia dapat peruntukan sebanyak $3.2 million. Ini benar-benar kita merasakan terima kasih. Umpamanya bukan setitik air, tetapi sebaldi air orang yang kehausan di padang pasir.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pemberian ini seperti yang disyorkan oleh Kementerian Kewangan ialah perbekalan air, perumahan awam, kemajuan tanah, perindastrian dan juga apa-apa projek sebagaimana yang terkandung dalam Fasal 6 (*d*). Saya memerhatikan bahawa kemajuan-kemajuan ataupun pembangunan-pembangunan yang boleh digunakan untuk kemajuan yang disebutkan ialah kebanyakannya kemajuan-kemajuan fizikal sahaja. Kemajuan-kemajuan meta-fizikal tidak disebutkan di dalamnya. Saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri, kalau dapat dimasukkan pembangunan-pembangunan meta-fizikal ini ke dalam rancangan wang yang hendak digunakan. Yang saya maksudkan dengan rancangan

meta-fizikal ini, saya nampak di bandar-bandar kita yang besar dalam negara kita ini—betul ada diadakan taman kanak-kanak, taman-taman bunga dan sebagainya. Ada satu perkara lagi yang saya fikir penting, yang patut kita masukkan iaitu Environmental Art ataupun Seni Persekitaran. Dewan Bahasa dan Pustaka telah cuba menggunakan satu perkataan yang dipanggil Alam Bina. Di dalam Alam Bina ini, saya maksudkan ialah yang kita hendak tambah lagi bahawa patutlah dibinakan arca-arca ataupun motif-motif yang ada kaitannya dalam negara kita ini.

Umpamanya, di Trengganu, saya tengok di tengah-tengah pekan Trengganu itu ada dibuatkan seperti perahu payang yang dibuat daripada cement, kemudian diletakkan di tengah jalan dan ditanam bunga. Saya fikir ini satu cara yang baik yang mana ini boleh mengikatkan ingatan anak negeri kita kepada negerinya. Umpamanya, di England ada Piccadily Circus, di Amerika entah apa lagi, di France ada pintu gerbang kemenangan dan sebagainya. Jadi kalau dapat dibantu Kerajaan-kerajaan Negeri ini untuk membina benda-benda yang seperti ini, umpamanya, kalau di Kuala Lumpur dicarikan motif-motif ataupun bentuk-bentuk arca dari Kelantan, bangau dari Trengganu, Sulur Bayung dari Melaka guna untuk menghiaskan lagi negara kita. Tujuan menghiaskan ini seperti yang saya katakan tadi satu pembangunan meta-fizikal yang mana akan menjadi satu tali perhubungan di antara anak negara ini dengan negerinya. Kalau dia pergi keluar negeri, misalnya di Australia bila dia ingat hendak memburukkan nama Malaysia ini, dia teringat Kuala Lumpur, dia teringatkan bangau dari Trengganu maka tentulah ada tali kasih sayang. Perkara ini saya tidak dapat menunjukkan maknanya macam segi fizikal iaitu 2x2=4, tetapi ada satu rasa perhubungan tali yang halus di antara rakyat negeri ini dengan negaranya.

Kita selalu berkata kepada rakyat, kepada orang ramai, kenapa anak-anak negeri kita ini tidak sayangkan Malaysia, tidak ada semangat kebangsaan yang tulin sedangkan kita tidak membuatkan cara-caranya untuk kasih sayang. Macam orang umpamanya, berjumpa dahulu, kemudian bertentang mata, bila bertentang mata, sampailah ke hati. Kalau hati sudah terikat, itu tuan-tuan maklum sahajalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itu cukuplah ucapan saya. Sekali lagi saya bersetuju, bukan dua tuju dengan Ahli-ahli Yang Berhormat memuji di atas usaha Menteri Kewangan kita ini dan juga saya fikir usaha yang baik ini insya Allah akan dibalas oleh Tuhan. "Faman yakmal mithqala zarratin khairai-yarah, waman yakmal mithqala zarratin syarrai-yarah". Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

3.10 ptg.

Datuk Syed Hassan Aidid: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang bercakap. Saya bercakap bagi pihak Kerajaan negeri Pulau Pinang dan juga penduduk-penduduknya keseluruhannya. Boleh jadi ada orang menganggap Kerajaan Pulau Pinang adalah satu Kerajaan yang mewah dan penduduknya kaya. Saya suka memberi satu gambaran mengenai tiga perkara iaitu Kerajaan Pulau Pinang, penduduk-penduduk keseluruhannya, dan orang Melayu khasnya.

Pertama berkenaan dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, memang sudah menjadi nasib kita di sana sebagai nasib Melaka juga, saya fikir kita tidak ada benda. Negeri-negeri sebelah sini ada mempunyai tanah, umpamanya kebun getah, ladang-ladang kelapa sawit, lombong bijih timah dan sebagainya tetapi di Pulau Pinang nasib kami tidak ada benda-benda ini melainkan berharap kepada punca pendapatan daripada satu dua benda sahaja iaitu kutipan daripada quit rent iaitu cukai tanah yang saya dapat tahu pada tahun ini kita akan dapat mengikut estimatenya sebanyak $5.4 juta, daripada cukai hiburan (entertainment) sebanyak $4 juta. Selain daripada itu ialah cukai-cukai todi dan sebagainya dan tahun ini kita akan menghadapi satu deficit yang besar bertambah-tambah lagi deficit daripada Majlis Tempatan iaitu Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan sebagaimana Johor juga yang disebutkan oleh sahabat saya tadi. Dengan itu kita meminta pertolongan daripada Menteri yang berkenaan supaya mengambil perhatian berat khasnya kepada deficit yang besar terhadap Kerajaan Tempatan ini dan juga kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Sekarang saya berbalik kepada penduduk di Pulau Pinang. Pada masa dahulu penduduk Pulau Pinang mewah dan menikmati kemudahan pelabuhan bebas (free port) bermakna harga barang-barang didapati murah kalau dibandingkan dengan tanah besar.

Tetapi malangnya pada masa Yang Berhormat Tun Tan Siew Sin menjadi Menteri Kewangan beliau telah merancang supaya ditarik balik free port ini sungguhpun ada bantahan daripada penduduk Pulau Pinang. Tetapi oleh kerana kita sincere dan penduduk di sana sabar sebagaimana orang-orang di Trengganu sabar maka kita terima sahajalah arahan ini.

Pada masa itu beliau bercadang dengan ketiadaan free port ini akan menggalakkan tourism di Pulau Pinang supaya dijadikan satu subsidi kepada penduduk-penduduk Pulau Pinang. Tetapi sampai hari ini saya tidak nampak satu perubahan dengan adanya tourism kerana didapati harga barang-barang di Pulau Pinang misalnya kain baju dan berbagai-bagai lagi pada hari ini kalau dibandingkan dengan harga di tanah besar seperti di Kuala Lumpur, di Ipoh dan sebagainya ada kalanya harga-harga ini lebih murah daripada harga-harga di Pulau Pinang. Jadi tidaklah bermakna penduduk-penduduk di tanah besar ataupun foreigners datang ke Pulau Pinang untuk membeli barang-barang ini. Saya dapati banyak pekedai-pekedai, peniaga-peniaga biar pun pekedai-pekedai kecil ataupun besar mengeluh, makin sehari, makin kurang perniagaan mereka. Cuma yang membawakan faedah daripada tourism ini ialah dengan adanya hotel-hotel di Tanjong Bungah, Batu Feringgi dan sebagainya. Tetapi bagi pihak peniaga-peniaga nampaknya makin sehari, makin teruk. Pada satu ketika dahulu kita sekalian tahu Kerajaan hendak mendirikan free trade zone supaya peniaga-peniaga daripada Indonesia boleh membawa barang-barang mereka di satu tempat dengan tidak dikenakan cukai. Tetapi sampai hari ini nampaknya perkara itu diam sahaja, tidak tahulah di manakah rancangan itu ada hari ini. Pendek kata dengan kehilangan free port status ini, maka peniaga-peniaga daripada Indonesia khasnya telah pun berhijrah ke Singapura dengan kerana di sana tidak kena cukai dan perniagaan di Singapura makin sehari makin maju tetapi di Pulau Pinang makin sehari, makin mundur dan saya dapati banyak kedai-kedai telah pun bertukar tangan biar pun pekedai-pekedai di Penang Road, di Bishop Street atau peniaga-peniaga kecil dan besar. Ini cukup merbahaya kepada peniaga-peniaga di Pulau Pinang dan saya meminta satu cara supaya dapat Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan mengambil perhatian dan menjalankan balik rancangan yang dikatakan free trade zone tadi.

Akhirnya ialah mengenai kedudukan orang Melayu di Pulau Pinang. Saya fikir perkara ini telah banyak kali saya cakapkan dan pada satu masa Allahyarham Tun Razak telahpun merancangkan satu Jawatankuasa Petugas untuk mencari jalan memperbaiki keadaan orang Melayu di Pulau Pinang dan saya sungguh menaroh harapan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya mengkaji perkara ini dan mencari jalan bagaimana dapat memperbaiki keadaan orang Melayu di Pulau Pinang, kerana pokoknya ialah kewangan. Saya fikir kebetulan di pulau ini tidak lain dan tidak bukan untuk mencari makan dengan cara berniaga dan kita sedia maklum mencari sara hidup dengan cara berniaga berkehendakkan wang, dengan adanya wang baharulah kita dapat berniaga. Kalau kita hendak pinjam daripada MARA misalnya berkehendakkan masa yang lebih panjang dan kalau hendak pinjam daripada bank-bank, bunganya terlampau mahal dan susah mendapati wang-wang itu. Pada pandangan kami di Pulau Pinang hendaklah diadakan satu badan yang dilantik oleh Kerajaan Pusat dan ahli-ahli badan ini tidaklah mesti terdiri dari orang-orang Pulau Pinang, terpulanglah kepada Menteri Kewangan melantik orang-orang yang cekap dengan peruntukan wang untuk memberi pinjaman kepada orang Melayu di Pulau Pinang.

Akhirnya oleh kerana Menteri Kewangan ada di hadapan saya di sini, saya suka bercakap juga berkenaan dengan Kastam di Butterworth. Itu juga satu halangan kepada orang-orang daripada tanah besar datang ke Pulau Pinang dan balik, oleh kerana boleh kata hampir ke semua barang-barang tidak lagi kena cukai di Pulau Pinang. Tidak bermakna lagi mengadakan Pegawai-pegawai Kastam di Butterworth. Ini juga menyusahkan orang yang lalu lalang dan juga kalau kita tempatkan Pegawai-pegawai Kastam ini ke tempat lain, ini juga akan menjejaskan kewangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh berasa seronok dengan adanya Bill ini kerana saya percaya dengan adanya Menteri Kewangan baharu ini, akan membawa satu perubahan dan pertolongan kepada Kerajaan, penduduk dan juga orang Melayu di Pulau Pinang. Saya percaya sebagaimana sahabat saya kata tadi, kalau seseorang itu ada belas kasihan kepada manusia, insya Allah Allah Subhanahu wata'ala juga akan kasihan kepada beliau.

3.20 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein: Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Rang Undang-undang Pemberian Pertambahan Hasil, 1976 ini, setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita yang benar-benar berdedikasi dan bertimbang rasa kepada negeri-negeri yang benar-benar perlu kepada pembekalan dan perumahan awam ini. Pandangan saya hari ini harus lain daripada pihak Ahli-ahli Yang Berhormat saudara-saudara saya dan saya harus tidak memberi sanjungan yang begitu tinggi dan pujian yang berlebihan sebab seperti kata pepatah Arab atau syair Arab iaitu tidak baik memuji orang itu di hadapannya, biarlah kita mengenang jasanya dan sambil berdoa di belakang orang itu.

Apa yang hendak saya perkatakan pada petang ini ialah patut sekali pihak yang berkenaan mengemaskan lagi peraturan-peraturan dengan lebih tegas yang patut dibuat antara Kerajaan Pusat dan Negeri bersabit dengan peruntukan-peruntukan ini supaya rakyat yang benar-benar memerlukan rumah lebih diutamakan, terutama di kota-kota besar. Rakyat berpendapatan rendah hanya masih menyewa bilik sahaja kerana rumah tidak ada dan tidak dapat dibeli. Betapa sulitnya mereka ini duduk menyewa bilik, semua kita telah maklum dan tidak payah saya menyebut negeri dan daerahnya.

Masaalah utama yang mesti difikirkan ialah pegawai-pegawai Kerajaan yang bergaji tidak sampai $300 sebulan yang akan bersara antara empat atau lima tahun lagi. Kerajaan hendaklah memberikan keistimewaan kepada mereka bagi mendapatkan rumah ini, kerana kalau membeli rumah baru gajinya kecil dan imbuhan pula tidak cukup dan kalau mereka mahu rumah juga terpaksalah mereka pergi ke luar bandar untuk membeli rumah di kampung, maka akan teruslah ia menjadi sama kedudukannya dengan sebelumnya. Jadi tidaklah ada perbedzaan antara bekas pegawai Kerajaan dengan orang ramai, wal hal mereka ini telah berkhidmat berpuluh-puluh tahun dengan Kerajaan, tetapi Kerajaan tidak pula memikirkan soal kebelakangan nasib mereka ini, sungguh malang yang dideritai oleh pegawai-pegawai ini. Dengan ini saya harap Kerajaan mestilah mengambil initiative terhadap perkara ini, janganlah terjadi banyak pegawai-pegawai Kerajaan kita sesudah bersara tetap menyewa rumah juga iaitu sama seperti masa mereka bekerja dengan Kerajaan, biarlah pegawai-pegawai kita itu ada mempunyai rumah. Dalam masaalah ini alhamdulilah dan syukur saya ke hadrat Tuhan bagi pegawai-pegawai di lain-lain negeri yang lain daripada negeri Pulau Pinang sudah bernasib baik, tetapi nasib pegawai-pegawai di Pulau Pinang—entahlah. Biarlah saya letakkan kepada kalimah entahlah, masing-masing kita sama-sama lihat dan berfikir.

Untuk mengakhiri bagi saya menyokong Rang Undang-undang ini, saya juga samalah seperti saudara saya Yang Berhormat Datuk Abdul Aziz Tapa tadi yang mengatakan tiap-tiap apa yang telah diberikan limpahan budi baik kepada negeri-negeri itu, terutama kepada masyarakat kita, maka saya juga akhiri dengan sepotong ayat Kuran yang lain khusus untuk Yang Berhormat Tengku Tan Sri Razaleigh yang berbunyi "Innallaha layudhi-'uajrul muhsinin" dan kami semua berdoa.

3.25 ptg

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kita, yang telah memberi peruntukan sebanyak $50 juta pada tiap-tiap negeri-negeri mengikut percentage-percentage yang telah disebutkan. Tetapi Yang Berhormat Menteri telah lupa ada satu kawasan lebih besar daripada Perlis yang ditubuhkan pada 1-2-1974 iaitu lima kawasan Parlimen yang terbiar begitu sahaja, penuh dengan rumah-rumah haram, wal hal tempat itu Federal Capital. Kawasan yang saya sebutkan ialah Wilayah Persekutuan yang telah ditubuhkan pada 1-2-1974, sepatutnya juga mendapat peruntukan iaitu dari 1-1-1975 hingga 31-12-1976. Wilayah Persekutuan tidak ada duit untuk membuat jalan-jalanraya, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat datang ke rumah saya, Ahli-ahli Yang Berhormat akan melalui jalan yang sangat buruk, lebih buruk daripada jalan kereta lembu, wal-hal tidak kurang daripada 30-50 orang tiap-tiap hari datang ke rumah saya meminta pertolongan. Jalan itu juga digunakan oleh tidak kurang daripada 50 orang guru untuk pergi mengajar ke sekolah yang ada di sana. Bila saya minta wang daripada Datuk Bandar daripada tahun 1974 hingga ke hari ini, jawapannya Wilayah Persekutuan tidak ada duit. Jadi, saya berharaplah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan janganlah ditinggalkan

Wilayah Persekutuan, kita malu kalau Ahli-ahli Yang Berhormat berjalan tidak usah jauh daripada Bank Negara kalau kita berjalan 500 ela kita boleh tengok rumah-rumah haram, semuanya diduduki oleh orang kita, tidak ada air, jalan, lampu dan sebagainya.

Itulah sahaja ucapan saya dan saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya Wilayah Persekutuan janganlah dilupakan, kami lima kawasan Parlimen dalam Wilayah Persekutuan, parti tidak laku, segala permintaan tidak dipenuhi, cuma permohonan yang laku ialah permohonan daripada Pertubuhan Masyarakat itupun di bawah Lembaga Perpaduan Negara, ini ada pada peruntukan. Tetapi kalau orang parti minta duit daripada Datuk Bandar tak dapat, lima daripada kawasan Parlimen tidak mendapat apa-apa. Jadi saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri, tolong beri peruntukan kepada Wilayah Persekutuan dan saya menyokong Bil ini dengan sekuat-kuatnya.

5.27 ptg.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bil ini.

Mula-mula sekali saya sukalah menyatakan sokongan saya yang sepenuhnya kepada Bil yang sedang kita perbincangkan yang mana baru semalam telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Saya sukalah menarik perhatian tentang beberapa masaalah dalam membahaskan Bil ini. Pertama sekali saya suka menarik perhatian kalau di negeri-negeri lain seperti negeri Trengganu dan Pahang yang termasuk dalam negeri-negeri yang kurang maju sebagaimana juga di Kelantan, tetapi negeri-negeri ini ada mempunyai sumber-sumber hasil yang baru seperti minyak, pelabuhan dan sebagainya. Saya suka menarik perhatian walaupun Yang Berhormat Menteri sendiri daripada negeri Kelantan tentu lebih maklum dalam masaalah ini, tidak ada apa yang boleh kita dapati di negeri Kelantan ini, selain daripada dapat mengeluarkan hasil beras untuk menampung keperluan negeri-negeri lain dalam Malaysia ini sebagai sumbangan negeri Kelantan kepada Malaysia seluruhnya. Selain daripada itu, dapat menghamburkan rakyat negeri Kelantan kepada negeri-negeri lain untuk menjadi tenaga pengerak kepada bumiputra di negeri-negeri lain sebagai sumbangan rakyat negeri Kelantan.

Saya rasa masaalah istilah negeri-negeri yang kurang maju yang kita sama-sama setuju untuk diutamakan dalam bantuan-bantuan Kerajaan Persekutuan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini, maka saya nampak dalam cara pembahagian yang diterangkan dalam Bil ini nampaknya tidak banyak menitikberatkan negeri-negeri yang kurang maju. Jadi, saya walaupun Bil ini tidak begitu menitikberatkan negeri-negeri yang kurang maju, kerana berasaskan kepada bilangan penduduk dan sebagainya, maka saya rasa eloklah suatu peruntukan yang khusus diuntukkan kepada negeri-negeri yang kurang maju juga, terutama sekali kepada negeri-negeri yang tidak ada punca hasil yang banyak seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menarik perhatian kepada apa yang telah kita sama-sama alami iaitu di negeri Kelantan selain daripada kekurangan kewangan dalam melaksanakan projek pembangunannya juga menghadapi masaalah kekurangan pegawai professional yang sangat-sangat perlu untuk melancarkan rancangan pembangunan yang kita hadapi terutamanya dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini. Saya rasa kalau dapat diadakan suatu cara supaya lebih ramai pegawai-pegawai professional dari Kerajaan Pusat dipinjaman kepada Kerajaan Negeri demi untuk melancarkan perlaksanaan kerja pembangunan di negeri-negeri yang kurang maju seperti Kelantan itu.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian supaya peruntukan-peruntukan yang ditentukan samada melalui Perlembagaan seperti capitation grant atau state road grant dan sebagainya diawalkan atau didahulukan pemberiannya dan tidak sampai keakhir tahun baru hendak disumbangkan kepada Kerajaan Negeri supaya dengan cara itu diawalkan pangkal tahun dapat dihantarkan peruntukan-peruntukan itu, maka negeri-negeri terutama sekali negeri pantai timur tiadaklah bersusah-payah. Bila sampai musim tengkujuh dalam bulan Oktober atau November baru peruntukan dari Federal hendak sampai, pada masa itu negeri-negeri seperti Kelantan

menghadapi musim tengkujuh yang tidak dapat hendak melaksanakan dengan peruntukan yang diberi itu. Jadi, elok sangatlah pemberian-pemberian itu dilaksanakan pada awal tahun dan saya rasa perkara ini dapat diatasi dengan adanya Bil Belanjawan yang telah kita luluskan sebelum akhir ahun lepas baru-baru ini. Jadi memboleh-kan Kerajaan Persekutuan mengutamakan masaalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu masaalah yang patut saya beri dalam Dewan ini ialah sanjungan-sanjungan yang tidak terhingga kepada Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh sebagai seorang anak Negeri Kelantan yang dapat memainkan peranan dan mengemukakan Bil seperti ini yang boleh memberi faedah kepada seluruh negara kita termasuk negeri-negeri juga yang kurang maju.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua pandangan-pandangan saya dalam masaalah ini dan sekali lagi saya menyokong dengan sekuat-kuatnya Bil ini dan kepada Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan sekali lagi terima kasih.

3.35 ptg.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Pemberian Pertambahan Hasil 1976 kepada negeri-negeri yang mundur. Terlebih dahulu sebelum saya menyatakan sesuatu saya pun bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat rakan-rakan saya yang lain juga di dalam Dewan yang mulia ini mengucapkan setinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh sebagai Menteri Kewangan yang mana kita sama-sama termaklum bahawa Bil yang kita sedang bahaskan hari ini ialah satu Bil yang menunjukkan bahawa sebagaimana yang kita tahu bahawa Menteri kita yang baru ini telahpun mengemukakan beberapa perkara dan telahpun diluluskan pada masa yang lalu seperti perumahan murah dan pada hari ini juga akan kita luluskan satu Bil berkenaan dengan pemberian pertambahan hasil kepada negeri-negeri. Ini adalah satu cadangan yang telah dikemukakan yang belum pernah dikemukakan oleh Menteri-menteri Kewangan yang telah lalu.

Jadi, kita mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri dan juga pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan dalam Kementerian Kewangan yang mana telah mengambil berat di dalam soal kebajikan negeri-negeri dan juga rakyat-rakyat yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam soal kewangan ini memanglah bagi negeri-negeri mana juga pun tentulah berkehendakkan peruntukan yang lebih. Tetapi nampaknya berdasarkan Bil ini peruntukan sebanyak $50 juta yang akan disalurkan kepada negeri-negeri maka nampaknya negeri Perlis akan dapat kurang daripada negeri-negeri yang lain iaitu peruntukannya sebanyak $2.3 juta. Sungguhpun begitu Perlis berasa bangga atas pemberian ini kerana Negeri Perlis kecil dan kalau dibanci kepada penduduk tentulah tidak boleh dapat sebanyak itu. Tetapi atas pandangan luas dan pendapat-pendapat yang baik daripada Kementerian ini telahpun menunjukkan pemberian ini suatu pemberian besar juga kepada negeri Perlis.

Tujuan Bil ini ialah untuk memberikan peruntukan wang bagi tujuan projek-projek pembangunan saperti perbekalan air, perumahan awam dan kemajuan tanah perusahaan dan apa-apa projek pembangunan lain. Maka di Negeri Perlis soal berkenaan dengan bekalan-bekalan air, perumahan awam dan juga kemajuan tanah perusahaan ini memanglah banyak rungutan-rungutan kekurangan yang tidak dapat disalurkan oleh Kerajaan Negeri disebabkan pendapatan Kerajaan Negeri ini tersangat berkurangan. Bahkan pada hari ini dalam Budget 1977 ini negeri Perlis negeri yang kecil itu hanya mendapat peruntukan sebanyak $10 juta sahaja peruntukannya dan masih kurang $4 juta lebih. Kekurangan Budget ini ialah kerana negeri Perlis adalah satu negeri yang boleh dikatakan pendapatannya hanyalah berpandu kepada hasil tanah dan begitu juga dalam bahagian padi. Bukanlah seperti negeri-negeri yang lain walaupun negerinya mundur seperti Trengganu telah timbul satu telaga minyak, begitu juga Pahang walaupun mundur tetapi ada balaknya yang banyak tetapi negeri Perlis tidak ada apa-apa perolehan selain daripada negeri yang kecil hanya mendapat daripada hasil tanah sebagaimana yang saya sebutkan tadi sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, seperti negeri Johor, Negeri Perlis juga adalah berjiran atau bersempadan dengan negeri jiran kita iaitu Thailand. Tetapi pembangunan-pembangunan di negeri Perlis misalnya pekan-pekannya tidak dapat menarik perhatian pelancung yang datang daripada luar negeri sepertimana dari Thailand. Bukanlah Kerajaan Negeri tidak mahu memperelokkan tetapi disebabkan kekurangan kewanganlah maka tidak dapat diperelokkan tempat-tempat seperti Padang Besar dan juga Kuala Perlis.

Padang Besar ini boleh dikatakan penduduk-penduduk di seluruh Malaysia memang kenal akan namanya. Pada masa dahulu sehingga hari ini boleh dikatakan terutamanya pada hari-hari Jumaat dan hari-hari Ahad 30-40 buah bas-bas daripada negeri-negeri di Malaysia datang melawat ke Padang Besar tetapi malangnya bila sampai di sana tengok keadaan di Padang Besar itu tidaklah begitu menarik kerana bangunannya dan keadaan pekan-pekannya begitu buruk sekali. Apakah sebabnya maka terjadi begitu? Sebagaimana yang saya terangkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, ialah kedudukan kewangan Negeri Perlis tidaklah begitu lumayan sekali, sebab itulah maka keadaan di tempat-tempat itu tidak dapat dibuat apa-apa.

Begitu juga keadaan di Kuala Perlis, banyak pelancung-pelancung dari luar selain daripada pergi ke negara yang lain ataupun pelancung-pelancung negara lain yang datang maka kebanyakannya ada juga pergi ke Pulau Langkawi, sebuah pulau yang boleh dikatakan pada masa sekarang ini sedang membangun. Mereka yang pergi di sana selain daripada dengan menaiki kapal-terbang, kebanyakannya juga boleh dikatakan telah pergi mengikut jalan Kuala Perlis. Tetapi keadaan di situ juga tidak begitu baik kerana tempat-tempat perhentian atau hotel-hotelnya tidak ada. Kerajaan Negeri memang bercadang hendak membuat pembangunan bagi kebaikan di tempat tersebut tetapi malangnya tidak ada wang yang cukup. Di sini peruntukan yang diberi ialah sebanyak $2.3 juta bagi anggaran tahun ini dan pandangan-pandangan akan diberi pada masa akan datang. Dari satu masa ke satu masa tentulah pertambahan-pertambahan ini akan ditambahkan lagi lebih daripada $50 juta, maka apa yang diharapkan bagi Negeri Perlis ialah peruntukan-peruntukan itu akan dilebihkan lagi disebabkan sebagaimana yang saya telah sebutkan tadi, beberapa tempat yang tidak dimajukan kerana kekurangan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Negeri Perlis berasa bangga di dalam Rancangan Malaysia Ketiga juga peruntukan diberi boleh dikatakan begitu lumayan sekali oleh Kementerian ini. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kerana sebanyak $156 juta telah diperuntukkan bagi Negeri Perlis. Kita percaya segala wang ini akan dapat dijalankan rancangan-rancangan yang memberikan kebaikan kepada rakyat dan Negeri Perlis.

Begitu juga kita tidak lupa mengucapkan tahniah dan terima kasih atas pinjaman-pinjaman yang telah diberi sebagaimana peruntukan berkenaan dengan bekalan air di Rancangan Muda, yang mana Negeri Perlis pada masa ini telah kekurangan air dan sekiranya tidak dapat bekalan air daripada Rancangan Muda maka haruslah Negeri Perlis akan tergendala berkenaan dengan air ini. Maka dengan adanya saluran-saluran air daripada Rancangan Muda dapatlah paip-air itu disambungkan di situ dan peruntukan sebanyak $5 juta yang telah diberi pinjam dan sebanyak $2 juta lebih telah diberi permulaannya untuk memulakan pekerjaan ini maka sekarang ini sedang dijalankan. Kita mengucapkan berbanyak terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Tengku, Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, sebegitu banyak telah kita dengar berkenaan dengan peruntukan-peruntukan yang telahpun diberi maka apakah yang kekurangan lagi, bagi Negeri Perlis ialah untuk menjalankan projek-projek tersebut sebagaimana negeri-negeri yang lain juga. Negeri Perlis juga masih kekurangan orang-orang bijak pandai atau pakar-pakar untuk menjalankan projek-projek ini. Maka apa yang dikehendaki dan diminta kepada pihak Kementerian yang berkenaan supaya dapat menghantar pakar-pakar atau pegawai-pegawai yang bijak pandai supaya dapat bersama-sama menguruskan berkenaan dengan perjalanan wang yang diperuntukkan oleh Kerajaan Pusat itu. Maka dengan cara itu dapatlah Negeri Perlis menaikkan bangunan perindustrian yang baharu menjadi kebaikan kepada rakyat, dapat dibincangkan bersama oleh

penduduk-penduduk Negeri Perlis dengan pakar-pakar yang berkenaan oleh Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, boleh dikatakan, perenggan yang saya sebutkan tadi seperti Padang Besar dan Kuala Perlis berhubung dengan kemasukan barang-barang seperti yang kita tahu di sana ada Kastam, maka di sini kita berharaplah pihak Kementerian ini akan dapat mengawasi lebih ketat lagi di perenggan ini. Dengan perolehan daripada barang-barang yang dimasukkan atau dikeluarkan itu akan dapat hasil yang lebih jika kawalan dibuat lebih ketat lagi. Dan juga dibanyakkan pegawai untuk mengawasi perenggan-perenggan ini semoga barang-barang keluar masuk ini mendapat hasil yang berlebihan pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah sedikit sebanyak yang dapat saya cakapkan di sini dan saya percaya bagi Kerajaan Negeri dan rakyat Negeri Perlis bersama-sama saya mengucapkan sekali lagi tahniah dan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita yang telahpun membuat satu Rang Undang-undang yang belum pernah dibuat dan dibawa ke dalam Dewan ini oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang terdahulu. Beberapa Bil baru yang telah dicadangkan di dalam Dewan ini menunjukkan kebaikan kepada negeri dan kebaikan kepada rakyat.

3.46 ptg.

Puan Hajjah Cik Tom Saudah binti Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penuh Rang Undang-undang Pemberian Tambahan Hasil kepada Kerajaan Negeri berdasarkan pertambahan hasil Persekutuan dengan tujuan untuk memberi bantuan kewangan kepada Kerajaan Negeri bagi maksud-maksud yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan yang telah membuat Akta ini dengan niat hendak menolong negeri-negeri seluruh Malaysia tidak kira kaya dan miskin. Alhamdulillah syukur kita kepada Tuhan yang telah memberi rahmat kepada kita keseluruhannya muncul seorang Menteri Kewangan yang begitu pintar dan tegas. Semasa kita membahaskan Belanjawan pada bulan Disember dahulu telah membuat satu sejarah dengan memberi pinjaman perumahan dan pada hari ini pula satu sejarah lagi yang tidak pernah Menteri Kewangan yang telah lepas membuat Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, marilah kita bersama-sama berdoa kehadrat Allah subhanahuwataala supaya dipanjangkan umur Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah dan juga memberi jodoh dengan secepat mungkin dan memberi rezki yang murah selama hayatnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi bersyukur kepada Tuhan kerana negeri Kedah telah dapat bantuan sebanyak $4.3 juta. Maka dengan adanya wang peruntukan ini, insya Allah, akan dapat bertambah lagi rancangan-rancangan yang tertentu sebagaimana yang tersebut di dalam Akta ini:

(*a*) Bekalan air;

(*b*) Perumahan awam;

(*c*) Kemajuan tanah perusahaan; dan

(*d*) Apa-apa projek pembangunan lain.

Tuan Yang di-Pertua, inilah tujuan-tujuan yang dikehendaki oleh rakyat khasnya rakyat yang miskin sepertimana di Kedah, Kelantan, Trengganu dan Perlis. Jadi, dengan kerana adanya bantuan ini, saya yakin dan percaya pihak rakyat di negeri Kedah, ada lagi yang susah yang duduk di rumah-rumah seperti bangsal kerbau dan juga belia-belia penganggur yang tidak ada kerja. Saya yakin dan percaya dengan adanya bantuan ini dapatlah Kerajaan Negeri menampung orang-orang yang tersebut ini.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat negeri Kedah juga adalah tergolong negeri yang miskin. Hasil daripada balak dan lombong pun tidak ada. Hanya yang ada bagi negeri Kedah sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari negeri Kelantan tadi iaitu mengeluarkan padi dan beras untuk memberi bantuan kepada Persekutuan ini. Di sinilah harapan saya kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan saya tidak hendak bercakap panjang dan saya tidak hendak meminta tambahan, tetapi dengan kebijaksanaan Yang Berhormat Mulia Menteri berilah pandangan dan pertimbangan yang lebih kepada negeri-negeri yang miskin khasnya negeri Kedah.

3.51 ptg.

Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan: Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai wakil yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Sembilan duduk di dalam Dewan ini, dengan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita yang telah dapat membuatkan satu Undang-undang yang bernama Rang Undang-undang Pemberian Pertambahan Hasil kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang mana sepertimana yang dinyatakan semalam bahawa Negeri Sembilan akan mendapat sebanyak $3.5 juta. Bagi pihak Kerajaan Negeri Sembilan, saya mengucapkan ribuan terima kasih.

Di dalam Bil ini dinyatakan pemberian daripada Kerajaan Pusat ini hanya akan boleh dibelanjakan kepada empat bahagian sahaja, iaitu perbekalan air, perumahan awam, kemajuan tanah perusahaan dan apa-apa juga projek pembangunan lain. Rasa saya inilah perkara-perkara yang paling mustahak untuk dilaksanakan di peringkat Negeri, terutama sekali bekalan air kerana bekalan air ini rasa saya tidak banyak sedikit kalau dapat dilaksanakan dapatlah menarik hati penduduk-penduduk kita yang ada di dalam negeri itu.

Berhubung dengan perumahan ini tidak payahlah saya bercakap panjang tiap-tiap kali Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan ini menyebut perkara perumahan. Ini adalah satu perkara yang penting. Pada keseluruhannya di tiap-tiap negeri sememangnya timbul kesulitan berhubung dengan perumahan ini.

Satu perkara yang suka saya menyatakan di dalam perbahasan ini supaya pihak Kementerian setelah memberi peruntukan-peruntukan ini hendaklah juga memandang dan mengawasi Kerajaan-kerajaan Negeri itu supaya dilaksanakan projek-projek yang tertentu itu, kerana sepertimana yang dinyatakan oleh rakan-rakan saya Ahli Yang Berhormat, banyak juga negeri-negeri yang kurang pegawai-pegawai untuk melaksanakan sebahagian daripada rancangan ini. Dan sepertimana yang dinyatakan dalam taklimat Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tempoh hari yang mana Perbendaharaan berasa curiga bahawa peruntukan pembangunan yang ada sekarang ini takut-takut tidak boleh habis di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Kalau pihak Perbendaharaan yang ada mempunyai pakar pengkajian telah berasa ragu, takut-takut projek pembangunan dalam Rancangan Malaysia Ketiga, duit yang kita peruntukkan itu tidak habis. Saya yakin dan percaya kalau sekiranya tidak diberi ingat selalu, tidak dijengok, tidak diberitahu kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya melaksanakan rancangan ini perkara yang diragukan oleh pihak Perbendaharaan akan berlaku. Satu perkara lagi yang dikhuatirkan ialah jangan nanti pula bila masa sudah banyak duit dia buat rancangan yang tidak teratur, duit habis, rancangan tak jadi. Ini juga patutlah diambil perhatian yang berat.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pemberian tambahan ini, rasa saya tak banyak sedikit akan meringankan tanggungan Kerajaan-kerajaan Negeri yang sentiasa kekurangan perbelanjaan di dalam budgetnya masing-masing.

Hanya sekianlah sahaja yang dapat saya nyatakan. Sekali lagi saya bagi pihak Kerajaan Negeri Sembilan mengucapkan ribuan terima kasih di atas pemberian oleh Menteri Kewangan kita, Yang Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah di dalam peruntukan memberi tambahan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri.

3.58 ptg.

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya menyentuh sedikit sahaja perkara berkenaan dengan Bil ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut sama mengalu-alukan dan menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini. Pada pandangan saya cara membahagi-bahagikan pemberian-pemberian pertambahan hasil ini jikalau dikaji pada keseluruhannya adalah patut dan adil. Walaupun Negeri Kelantan adalah negeri yang mundur dari segi perkembangan yang jatuh ke tempat No. 7 di atas jumlah wang yang diperuntukkan, iaitu $3.9 juta dibandingkan dengan jumlah yang akan didapati oleh negeri-negeri lain di bawah Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan rakan saya Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Amin bahawa Negeri Kelantan sedang menghadapi masaalah yang serious

terhadap kekurangan kakitangan, khasnya pegawai-pegawai yang mahir. Masaalah kekurangan kakitangan di Kelantan adalah lebih berat berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia kita ini. Ini telah mengakibatkan projek-projek seperti projek perbekalan air, perumahan awam dan kemajuan tanah perusahaan dan juga pembinaan dan membaiki jalanraya dan sebagainya tidak dapat dilaksanakan dengan cepat dan berkesan. Jabatan Kerjaraya Kelantan yang akan memainkan peranan yang utama dalam perlaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga di negeri itu sedang menghadapi kekurangan pegawai-pegawai mahir seperti Enjiner, Pembantu Juruteknik dan sebagainya. Oleh sebab kekurangan pegawai yang bertanggungjawab maka kebanyakan projek yang bergantung kepada Jabatan Kerjaraya ini telahpun bertangguh dan saya khuatir maksud-maksud di bawah Fasal 6 Akta ini akan dihalangi, walaupun wang $3.9 juta ini telah tersedia di samping apa yang telah diperuntukkan ke negeri Kelantan setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, pembinaan kemudahan-kemudahan asas iaitu infrastruktur yang begitu penting dan perlu di negeri Kelantan tidak dapat dilaksanakan setakat ini kecuali apa yang telah dijadi dalam Rancangan Malaysia Kedua dan perkembangannya mengikut apa yang diperlukan sehingga hari ini tidak dapat dijalankan walaupun enam bulan telah berlalu semenjak Rancangan Malaysia Ketiga diluluskan oleh Parlimen dalam bulan Julai tahun ini. Kami berharap Kerajaan Pusat dapat mengambil berat dan memberi keutamaan untuk membantu Kerajaan Negeri Kelantan mengatasi masaalah yang sangat penting dan tidak mampu dihuraikan oleh Kerajaan Negeri Kelantan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat Puan Hajjah Salmah mengatakan berlainan, saya amat sukacita di sini menurut rakan-rakan saya yang lain mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dan Timbalannya dan semua pegawai-pegawai Kementerian ini kerana telah dapat menyedia dan menyelesaikan Belanjawan dan segala Bil-bil berkenaan dengan kewangan negara yang telah atau akan diluluskan oleh Parlimen minggu ini untuk tahun ini serta untuk Rancangan Malaysia Ketiga, kesemuanya ini dengan penuh pesat dan cekap dengan persediaan segala pembiayaan terhadap perlaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga. Perlaksanaan ini tidak patut dilambat-lambatkan lagi oleh ajensi-ajensi Kerajaan, Jabatan-jabatan dan Kerajaan-kerajaan Negeri.

5.03 ptg.

Tuan Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk memperuntukkan pemberian-pemberian pertambahan hasil kepada Kerajaan-kerajaan Negeri berdasarkan pertambahan hasil Persekutuan dengan tujuan untuk memberi bantuan kewangan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri.....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah baca nama Rang Undang-undang itu.

Tuan Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin: .....bagi maksud yang tertentu iaitu perbekalan air, perumahan awam, kemajuan tanah perusahaan dan juga perkara-perkara yang telah ditetapkan di dalam perkara 6 (*d*) Rang Undang-undang tersebut.

Saya mengucapkan syabas di atas filasafah yang diamalkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ini iaitu marilah kita bersama-sama makmurkan negara ini dan apabila berlebihan pendapatan kita akan berikan negeri-negeri merasainya untuk kemajuan seterusnya di dalam negeri-negeri yang bergabung dalam Persekutuan ini. Pemberian ini tidak pula satu pemberian yang terus-menerus termaktub seperti ada satu lagi Rang Undang-undang iaitu pindaan bekalan di dalam Perlembagaan. Rang Undang-undang yang akan datang ini untuk pemberian terus tetapi ini berdasarkan kemajuan iaitu kemajuan benda-benda lain melainkan disebutkan di sini ekspot bijih timah dan hasil lalulintas.

Pada hemat saya bagi negeri-negeri yang dikatakan telah berkemajuan seperti Perak, Selangor ataupun Pulau Pinang tentulah mereka itu tidak beriri hati bahkan selama hari ini pendapatan-pendapatan yang keluar dari negeri-negeri tersebut di masa yang silam atau sekarang juga telahpun diagihkan bagi membangunkan negeri-negeri yang lain di mana saya percaya kita semua memandang sama iaitu negeri kita Malaysia sebagai sebuah negara berpandu. Dalam pada itu

pula melihat pemberian ini bagi maksud-maksud yang tertentu seperti bekalan air, perumahan awam maka saya dapati negeri yang banyak penduduklah yang berkehendakkan banyak perumahan lebih-lebih lagi menghasilkan Rancangan Malaysia Ketiga seperti yang dirayukan oleh sahabat saya Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik semalam di mana di Selangor banyak setinggan-setinggan yang hendak diberi perumahan yang teratur.

Di Perak juga iaitu di pinggir bandar Ipoh umpamanya, setinggan didapati kerana berkehendakkan tapak kediaman dan apabila telah dapat berlindung maka mereka diam bersempadan dengan kawasan yang terang benderang lampu tetapi mereka gelap, jiran berjalan balik sihat tetapi mereka balik berlumur lecah kerana jalan tidak baik dan yang menyedihkan air untuk minuman pula tidak dapat yang cuci melainkan rahmat Majlis Bandaran sekiranya menghantar kepada mereka itu bekalan air minuman. Kepada saya inilah rancangan yang harus barangkali ditujukan kepada perbekalan air dan perumahan awam yang dimaksudkan ini.

Saya sebenarnya tidak bersubahat dengan membuat rumah haram ini tetapi banyak daripada umat-umat yang duduk seperti itu telah berada daripada satu pilihanraya kepada satu pilihanraya di mana undi mereka itu sentiasa dipujuk. Orang-orang Melayu khasnya banyak yang duduk di pinggir-pinggir bandar bahkan termasuk dalam bandar apabila Kerajaan dengan peta sahaja mengalih kawasan bandar itu dengan lukisan-lukisan di atas peta, maka bekalan-bekalan air juga perumahan seperti yang dikatakan tadi dikehendaki oleh mereka semuanya. Saya agak bekalan-bekalan air yang besar-besar tentulah bukan maksud yang dikehendaki di dalam Rang Undang-undang ini.

Begitu juga bagi kemajuan tanah perusahaan yang patut digalakkan dan saya berpendapat negeri yang dikatakan telah maju dan banyak penduduk tentulah berkehendakkan industri bagi mendapatkan pekerjaan tetapi malangnya bagi negeri yang dapat saya bezakan iaitu Penang, Perak dan Selangor maka Perak pada masa ini yang terkebelakang oleh kerana bukan tidak ada kawasan industri tetapi tiada diberikan galakan seperti pelepasan cukai istimewa bagi kawasan-kawasan tersebut.

Saya dengar di Lumut akan dimajukan dengan kawasan industri yang besar tetapi apakah galakan atau tarikan yang akan diberi untuk menggalakkan industri di atas kawasan tersebut? Perak akan mengeluarkan kuasa letrik kira-kira, kalau tidak salah pendapat saya suku iaitu 25% tenaga letrik dikeluarkan daripada negeri itu. Baru-baru ini Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bertanggungjawab dalam LLN mengatakan Temenggor akan mengeluarkan kuasa 360 megawatt dan jika dibangunkan Kenering dan Bersia lagi 200 megawatt di mana pada masa ini negara mempunyai kuasa mengeluarkan letrik kira-kira 1,200 megawatt sahaja iaitu installed capacity tetapi berapa banyakkah kuasa letrik diberikan kepada kawasan-kawasan industri yang akan diadakan di negeri Perak ini.

Jikalau dibenarkan saya syorkan iaitu kawasan Lumut esok hendaklah dibuka satu kawasan perusahaan berat di mana perusahaan seperti leburan besi, bijih timah dan membuat alat-alat ganti kapal dan benda besi yang berat-berat dan digalakkan dengan memberikan kemudahan letrik tadi serta pelabuhan yang baik didirikan di samping pengkalan tentera laut diadakan di sana. Infrastruktur yang lengkap ini mahulah diadakan dan barangkali molek peleburan bijih timah yang ada di Pulau Pinang sekarang ini juga diarahkan pindah atau dipujuk pindah ke Lumut melihatkan perkembangan negara yang patut disusun dengan teliti.

Di sini juga saya hendak menarik perhatian iaitu sumber-sumber yang dijadikan tanda kemajuan ini tidak termasuk ekspot duti bijih timah dan cukai jalanraya di mana kata Yang Berhormat Menteri itu cukai jalanraya ada peruntukan mengikut jalan-jalan yang telah dimajukan di negeri-negeri. Maka jikalau tak salah ingatan saya, di Perak sahaja yang ada satu jalan masih siapa yang melaluinya kena bayar tol. Begitu juga sumber bijih telah termaktub di dalam Perkara 110 (3) Perlembagaan di mana 10% diberikan kepada negeri-negeri yang mengeluarkan bijih ini. Maka di sini saya suka hendak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri iaitu bijih-bijih atau logam yang lain kalau tak salah pendapat saya, mengikut Akta 27 tahun 1964 50% diberikan kepada negeri-negeri yang mengeluarkannya. Begitu juga diceritakan jika ada minyak dikeluarkan 5% daripada sumbernya akan diberikan kepada Persekutuan dan 5% diberikan kepada negeri

itu, bermakna 50% daripada royalty ataupun pendapatan itu diberikan kepada Kerajaan Negeri. Begitu juga kalau dilihat dalam bijih besi saya dapati 10% daripada ekspot dikutip oleh Persekutuan tetapi 5% diberikan kepada negeri iaitu 30% lebih kurang 1/3 diberikan kepada negeri-negeri, tetapi bijih timah ada rasa saya mengikut Perlembagaan mengatakan: "Tiap-tiap satu negeri hendaklah menerima mengikut apa-apa syarat sebagaimana yang diperuntukan oleh atau di bawah Undang-undang Persekutuan, 10% atau apa-apa jumlah daripada ekspot bijih timah." Maka saya harap Akta ini akan dapat diagihkan kemudian kelak. Saya tidak meminta di sini dipinda Undang-undang ini ataupun dimasukkan dan tidak pula hendak menyentuh Akta ini tetapi adalah pada masa ini untuk menarik perhatian untuk masa hadapan melihatkan kepada Yang Berhormat Menteri terlebih maklum rayuan daripada pengusaha perlombongan di atas melesetnya pengeluaran bijih timah di Malaysia ini. Maka dengan adanya dikeluarkan ini nanti iaitu dimasukkan dengan logam-logam yang sama ini kita barangkali boleh menggalakkan negeri-negeri itu mempercepatkan mengeluarkan tanah lombong mereka itu oleh kerana apabila dilihat negeri-negeri yang mengeluarkan bijih timah itu tinggal lubang sahaja tetapi wang dibawa keluar. Ini pun rasa saya mereka tidak ada yang merungut tetapi pada pendapat saya adalah menjadi satu galakan supaya daripada sekarang ini kita baca dan kita teliti untuk masa hadapan dapat lagi kita majukan pengeluaran bijih timah

Di sini rasa saya Yang Berhormat Mulia Menteri sendiri sedia maklum akan hujjah-hujjah yang diberikan oleh perindustrian perlombongan, tidaklah payah saya ulangi di sini tetapi tentang cara berfikir untuk masa hadapan yang saya kemukakan di sini saya lihat juga umpamanya Senator Datuk Mansor tempoh hari mengatakan Trengganu dahulu ada bijih besi, sekarang tidak dapat dijual ataupun sudah habis.

Saya dapati Trengganu juga di dalam kawasan Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah ada didapati bijih besi tetapi oleh kerana harganya berkurangan di sini saya telah berkata juga di waktu membincangkan Rancangan Malaysia Ketiga iaitu pembelian bijih besi itu tidaklah berpatutan oleh kerana dibeli oleh satu kuasa monopoli iaitu daripada Syarikat Malayawata sahaja. Di sini sebab saya berkata begitu kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan jika dibandingkan dengan getah, kalau dinaikkan cukai maka adalah satu dorongan kepada orang-orang yang mengusahakan getah untuk memajukan getah supaya mendapat keuntungan lumayan tetapi bagi bijih timah jika berlebihan sangat cukainya maka kawasan yang mundur yang telah dikerjakan dahulu ataupun kurang isinya akan hilang begitu sahaja. Maka dengan itu rasa saya cukuplah ucapan saya, sekali lagi saya menyokong dan mengucapkan tahniah dan diharap inilah satu langkah yang baru iaitu sungguhpun di sini peruntukan dihadkan $50 juta sahaja dan saya doakan negara kita maju supaya dapat lagi berlebihan dari $50 juta pada masa hadapan ini.

4.08 ptg.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, saya juga berasa kesal kalau tidak menyokong Menteri Kewangan sebab saya sangat-sangat saya sayang dan kasih kepada Menteri itu sebagaimana kasih kepada saudara saya yang sejati. Sebab saya tahu beliau telah menerima ucapan terima kasih dan segalanya akan diberi pujian itu saya berharap pujian itu akan diterima sehingga akhir hayat Menteri Kewangan itu.

Saya juga turut menyokong dan mengucapkan terima kasih sekali lagi, mudah-mudahan wang akan diberi iaitu penyampaian kepada negeri-negeri itu biarlah ditentukan dengan sebenar-benarnya sebagaimana saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, masa soal-jawab dahulu saya bertanya pemberian wang yang diberikan kepada negeri Pulau Pinang itu apakah yang dibuat. Jawab Menteri Perumahan: wang itu telah diberikan balik kepada Kerajaan Persekutuan. Jadi saya berharap janganlah lagi jadi semacam itu, Tuan Yang di-Pertua, sebab baru-baru ini rumah di Seberang Prai telah terbakar banyak orang tidak mempunyai rumah, kemudian mereka membuat rumah haram iaitu 6 buah rumah di tepi laut tempat perahu naik. Tetapi Kerajaan Negeri memerintahkan dirobohkan rumah-rumah itu, terpaksa anak-anak mereka diletakkan di tepi laut. Ini adalah suatu hal yang menyedihkan saya mendengarnya, kerana orang di Seberang Prai datang berjumpa dengan saya. Jawapan saya, saya tidak boleh buat apa, pergilah berjumpa dengan pihak yang berkenaan, Saya berharap kepada Menteri Kewangan walaupun diberi wang itu

hendaklah pergi tengok ke Pulau Pinang, biarlah sebulan dua-tiga kali terbanglah ke Pulau Pinang melihat keadaan telatah pegawai-pegawai di Pulau Pinang itu dan juga pihak-pihak yang berkenaan di Pulau Pinang.

Sebagaimana kata saudara saya tadi, ambillah pusat peleburan bijih timah di Pulau Pinang bawa ke Perak. Malang sekali, Pulau Pinang sudah banyak orang menderita kalau dibawa peleburan bijih itu ke Perak banyak lagi barangkali 3,000-4,000 orang pula akan mati. Saya berharap janganlah diutamakan kepada negeri Perak yang banyak lombong, banyak rumah orang-orang besar, banyak orang-orang kaya, Datuk-Datin, banyak sekali. Saya berada di negeri Perak di masa pilihanraya dahulu tiap-tiap bulan.

Jadi, saya tak usahlah bercakap panjang, sebab saudara saya Datuk Syed Hassan telah berkata kamipun telah membuat perjumpaan dengan Tengku, dengan ikhlas kami telah beri tahu apakah keadaan dalam negeri Pulau Pinang dan Tengku telah mengerti keadaan Negeri Pulau Pinang.

Saya susah juga dan ramai orang berdoa supaya Tengku beristeri, tetapi mengapakah Tengku tak mahu beristeri (*Ketawa*) belum dapatkah idaman kalbu itu (*Ketawa*). Kalau belum' carilah Tengku, kami wanita juga berasa segan, sebab ada bapa tak ada emak, ada Menteri Luar tak ada Menteri Dalam. Jadi, inipun tak elok. Saya rasa eloklah Tengku cari untuk idaman kalbu (*Ketawa*). Saya tidak hendak bercakap panjang mudah-mudahan lagi sekali saya berdoa supaya jodoh Tengku ini orang yang berbahagia dan orang yang betul-betul beriman taat kepada Tuhan, muga-muga Tengku berjaya dapat isteri yang comel (*Ketawa*).

4.21 ptg.

Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Bil ini. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh waktu membentang dan kemukakan Bil ini jika kita baca dengan teliti, ini adalah satu Bil yang sudah seharusnya kita semua beri pujian dan tahniah kepadanya

Kita dengar di dalam Dewan ini wakil tiap-tiap negeri berkata negeri dia banyak itu, dia ada getah, dia ada bijih, dan negeri itu pula berkata dia ada kelapa sawit dan minyak. Saya percaya jika tidak ada sebab-sebab ditentukan dalam Bil ini, misalnya, pemberian wang tambahan kepada negeri-negeri yang pertama diberi mengikut bilangan orang (capitation grant). Jikalau mengikut bilangan orang yang ramai tentulah negeri Perak dan Johor yang besar sekali mengikut banci yang ada. Jikalau mengikut hasil dalam negeri tentulah negeri Perak yang besar daripada Selangor jikalau memandangkan kepada pengeluaran bijih timah dan kayu balak, tetapi Bil ini adalah cukup adil menolong negeri-negeri yang tidak maju seperti negeri-negeri yang tersebut dalam Bil ini yang kita dengar Yang Berhormat Mulia Tengku Menteri Kewangan telah isytiharkan sebelum dibawa Bil ini negeri-negeri yang tak maju akan diberi bantuan kewangan yang lebih iaitu termasuk Perlis, Kedah, Kelantan dan setengah negeri di Pantai Timur, kerana negeri ini tidak ada hasil yang dapat dikeluarkan seperti kayu-kayan, bijih timah atau minyak. Tentulah mereka tidak dapat bersama dalam kemajuan yang kita harapkan di dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga ini sama-sama bangun dan sama-sama merasa.

Yang kedua memberi grant kepada negeri daripada hasil yang didapati daripada ekspot dan juga galian pulang balik kepada negeri kerana kita tahu tiap-tiap negeri pun ada rancangan mengenai projek-projek lain yang telah dimasukkan dalam Rancangan Lima Tahun Malaysia. Jadi dapatlah negeri ini bergerak dan menyambung semula sebab dapat State Road Grant, ada setengah-setengah negeri telah diberhentikan oleh sebab tidak cukup kewangan. Kita dapat melaksanakan projek-projek pembangunan berkenaan seperti bekalan air, rumah awam dan pembangunan-pembangunan perindustrian. Saya tidaklah hendak berbahas dengan saudara saya daripada Perak, saya pun bukan wakil daripada Perak, saya dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tetapi oleh sebab Kuala Lumpur ini tak ada State, jadi saya terpaksa balik ke negeri asal saya. Bercakap kenapa Negeri Perak tak ada perindustrian, perindustrian di Perak saya katakan bukan tak boleh diadakan, tetapi jika kita mengikut pandangan pentadbiran Negeri Perak sekarang ini, dia berubah dari satu masa ke satu masa, pucuk pemimpinnya berubah, sungguhpun ada berubah di dalam Pusat di dalam pemimpin negara kita, ubah orang sahaja tetapi dasarnya berjalan. Jadi jikalau ubah orang, dasar projek itu berjalan kenalah balik semula. Bagaimana projek itu tak boleh

berjalan, misalnya, kita ada industri di Kamunting, Taiping, datang perubahan pentadbiran di negeri itu. Sekarang kawasan Kamunting tidak sesuai untuk dijalankan industri, kita bawa ke Parit Buntar. Bila kita buka industrial area di Parit Buntar orang hendak menanam modal, ke situ sudah ada pertanyaan berkenaan dengan perkara ini. Adakah tempat itu baik adakah jalan yang baik, adakah perhubungan keretapi atau adakah dekat dengan laut ataupun dengan pelabuhan, dekat dengan bank, adakah insurance company. Semua mereka hendak tahu facilities yang ada di situ. Jadi apabila ditukar ke Parit Buntar misalnya orang-orang yang hendak pergi ke dalam perindustrian itu sungguhpun ada tetapi tawar hati hendak pergi. Jadi terpaksalah pergi ke Mak Mandin, atau Perai Industrial Area. Ini soal yang kita hadapi. Jadi sesebuah negeri itu, macam kita berniaga walaupun kaya banyak duit dan banyak harta tetapi kalau tak betul berniaga, tak betul dijalankan akan bankerap. Begitu juga negeri walaupun kaya, banyak harta dan banyak hasil tetapi tak betul pentabdirannya akan bankerap. Negeri itu akan deficit Budgetnya. Bahkan kita dengar dalam Dewan-dewan Negeri yang bersidang baru-baru ini apabila mengemukakan perbelanjaan peruntukan bagi tahun ini untuk perbekalannya, terdapat deficit di setengah-setengah-negeri. Negeri Perak deficit begitu juga negeri Kedah deficit. Kita tidak hairan, tetapi bagaimana negeri yang kaya-raya ada deficit. Deficit ini tentulah ada sebab-sebabnya. Adakah kutipan hasil tanah tidak berjalan? Adakah assessment tidak dikutip? Adakah setengah-setengah hutan dibekukan? Ini tentu ada sebab-sebabnya jadi deficit. Jikalau kita tidak betul menjalankan projek-projek ini, tentulah kita tidak boleh memajukan sesuatu rancangan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh, Menteri Kewangan, adakah geran yang hendak diberi ini akan digunakan untuk ditanam atau ditutup kira-kira deficit itu? Adakah tambahan ini hasil daripada geran Federal untuk rancangan-rancangan yang telah ditentukan sepertimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam ucapannya. Jikalau kita beri geran, misalnya $4.8 juta kepada Negeri Perak cuma untuk mengurangkan deficit Negeri Perak. Jadi bagaimana pula rancangan-rancangan lain yang telah diisytiharkan oleh Kerajaan Negeri kepada rakyat. Di mana mereka dapat wang, sebab negeri itu deficit. Jadi dapatkah pihak Kementerian Kewangan dengan geran ini memberitahu kepada Menteri yang berkenaan bahawa tiap-tiap negeri itu akan menggunakan untuk satu-satu projek yang dikhaskan seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh. Jikalau geran ini untuk mengurangkan deficit, maka cita-cita yang hendak kita beri pertolongan kepada negeri itu, saya kata bukanlah membazir, tetapi tujuan kita yang sebenarnya tidak tercapai.

Yang Berhormat Menteri telahpun meminta kepada Kerajaan Negeri supaya wang yang diberi oleh Kerajaan Pusat ini hendaklah dibelanjakan dengan berjimat dengan tujuan yang boleh memberi faedah. Janganlah hendaknya apabila sampai wang ini di tangan mereka maka akan dibelanjakan wang ini dengan bukan-bukan. Ini jadi membazir. Inilah sahaja pertanyaan saya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, kalau diizinkan oleh Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Sambung selepas ini nanti. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempohkan selama 15 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 4.35 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.00 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

5.00 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin sukalah saya menyampaikan ucapan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator-senator kerana telah mengeluarkan pandangan dan pendapat yang berguna dan berfaedah terutama sekali untuk menjalinkan dengan lebih erat lagi hubungan di antara negeri-negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Di situlah terletaknya asas penubuhan Persekutuan ini dalam mana Kerajaan Persekutuan yang ditugaskan untuk menyatukan segala usaha-usaha pembangunan dan lain-lain masaalah supaya dapat diselaraskan dengan apa jua yang akan berlaku dan berkembang di tiap-tiap negeri.

Sebelum saya mengulas tentang pandangan-pandangan yang telahpun dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya menyampaikan juga ucapan terima kasih saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan di atas Rang Undang-undang ini kerana telah menyampaikan ucapan tahniah dan sebagainya bukan sahaja terhadap diri saya tetapi juga kepada Kerajaan Pusat kerana telah mereka Rang Undang-undang ini. Di samping itu ada juga di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mendoakan supaya saya dilanjutkan umur dan dengan doa restunya supaya saya berumahtangga (*Ketawa*). Walaupun perkara ini luar daripada masaalah yang ada di hadapan kita ini tetapi apa yang mendukacitakan saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, ialah hanya diberikan doa kepada saya. Sedangkan saya ini seorang anak yatim piatu—tidak mempunyai bapa dan ibu lagi; seeloknya kalaulah ada kasihan belas merekalah cuba mencari pasangan saya (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah terangkan tadi, pemberian sebagaimana yang ternyata di dalam Rang Undang-undang ini ialah untuk hendak mengimbangkan perkembangan hasil bagi tiap-tiap negeri yang bersekutu di dalam Persekutuan di tanahair kita oleh kerana terdapat negeri-negeri yang kurang maju tidak dapat mengembangkan hasil pendapatan tahunannya sejajar dengan perkembangan dan kemajuan yang berlaku dalam negeri-negeri yang tersebut. Oleh sebab itulah Kerajaan Persekutuan telah membuat keputusan selain daripada memberi kemudahan-kemudahan yang merupakan rancangan-rancangan pembangunan untuk menolong bagi memajukan negeri-negeri yang berkenaan, ia juga telah bersetuju membantu negeri-negeri yang kurang maju, yang sentiasa menghadapi deficit dalam pengurusannya terutama sekali kira-kira semasa supaya negeri-negeri yang berkenaan mempunyai wang yang cukup bagi menampung segala perbelanjaan pengurusan dan lain-lain untuk membolehkan negeri-negeri itu maju setimpal dengan kemajuan yang diharap-harapkan oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Fasal 6 dalam Rang Undang-undang ini telah menentukan apakah jenis dan bentuk rupa rancangan yang perlu dan patut dijalankan mengikut apa pemberian yang akan diberi oleh Kerajaan Pusat tetapi ini merupakan satu cara untuk hendak meringankan beban yang ditanggungkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang kurang berkemampuan supaya membolehkan Kerajaan-kerajaan Negeri itu menghalakan wang lebihannya selepas menerima pemberian ini kepada pembiayaan yang difikirkan perlu dan mustahak.

Ahli-ahli Yang Berhormat telahpun menimbulkan berbagai-bagai masaalah berkenaan dengan negeri masing-masing. Dan saya mengambil perhatian di atas segala perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Pertamanya, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Razak Hussin, Senator S. M. Vellayappa, Datuk Haji Ahmad Arshad dan lain-lain lagi telah menyoal samada formula yang telahpun ditentukan di dalam Rang Undang-undang ini mengenai pembahagian hasil kepada negeri-negeri mengikut Fasal 2, 3 dan 4 adil atau tidak. Saya suka memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa perkara ini telah ditimbang dengan sehalus-halusnya setelah Pegawai-pegawai Kewangan Negeri telahpun mengadakan mesyuarat rundingan dengan pegawai-pegawai kanan Perbendaharaan. Dan berbagai-bagai cara telahpun dikemukakan untuk dipertimbangkan sebelum Majlis Kewangan Negara memutuskan bahawa ini merupakan satu formula yang adil sekali untuk dijadikan asas pembahagian tentang kelebihan wang oleh kerana pertambahan hasil Persekutuan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Fasal 2 Rang Undang-undang ini.

Jikalau dirujukkan kepada Fasal 4:

> "4. (*a*) setengah daripada hasil itu hendaklah dibahagi-bahagi sama banyak antara tiga belas buah negeri".

Ini ialah supaya untuk hendak mengseimbangkan negeri-negeri yang kecil, negeri-negeri yang kurang penduduk dan negeri-negeri yang kurang maju mendapat layanan yang sama daripada Kerajaan Pusat.

Sungguhpun negeri-negeri kecil dan negeri-negeri yang tidak mempunyai penduduk yang banyak dan kurang maju tidak membantu dengan banyak kepada pendapatan negara menerusi hasil dan sebagainya tetapi bolehlah disifatkan bahawa mereka itu juga sebagai sebuah anggota di dalam Persekutuan menyumbang dengan cara lain terhadap kekuatan dan keutuhan negara kita yang

merdeka dan berdaulat ini. Kerana adanya pakatan, kerana adanya persefahaman maka ujudnya Persekutuan yang sebegitu utuh dan kukuh untuk menjamin kesejahteraan hidup bagi seluruh rakyat di tanahair kita ini. Di samping itu pula memanglah menjadi kewajipan Kerajaan Pusat untuk membantu negeri-negeri yang kurang maju walaupun mereka itu tidak dapat mengembangkan hasil bagi negeri-negeri yang berkenaan disebabkan iklim, disebabkan kekurangan hasil-mahsyul yang dapat dimajukan bagi negeri masing-masing. Jadi dengan sebab kesedaran itulah dan oleh sebab kesedaran rakyat yang dahaga dan ingin kepada kemajuan tidak kira di Perlis, tidak kira di Sarawak, tidak kira di mana-mana tempat pun di dalam Persekutuan ini maka perlulah Kerajaan Pusat memberi pertolongan kepada negeri-negeri ini.

Kalaulah Yang Berhormat Senator Haji Ibrahim Yaacob telah membangkitkan mengapa tiga belas negeri dan tidak termasuk Wilayah Persekutuan, sukalah saya menyatakan di sini bahawa Wilayah Persekutuan ini berbezalah sedikit daripada negeri-negeri yang lain. Dia mempunyai D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan menjadi ibu negara bagi Persekutuan. Tetapi di dalam bentuk rupa bantuan pula sukalah saya nyatakan di sini bahawa kelolaan bagi Wilayah ini adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri, dan ada satu jawatankuasa khas setelah ditandatangani Perjanjian Kuala Lumpur tiga tahun dahulu yang ditugaskan untuk mencari jalan bagaimana dapat membiayai segala urusan untuk memajukan Wilayah Persekutuan ini di samping sebuah jawatankuasa lain yang diketuai oleh Menteri Tak Berpotfolio bagi menimbang soal berkenaan dengan Kerajaan Tempatan di dalam kawasannya.

Dan segala urusan yang ada dalam bandar memanglah dijalankan oleh Datuk Bandar sendiri yang ditugas khusus bagi menjalankan sebarang rancangan bagi faedah rakyat yang tinggal di kawasannya. Selain daripada itu di bawah Rancangan Malaysia Ketiga kita telah menguntukkan lebih daripada satu ribu juta ringgit untuk kawasan Wilayah ini bagi memajukannya untuk kesejahteraan rakyat walaupun masih ada kawasan-kawasan setinggan di mana terdapat kekurangan bekalan air, api letrik dan perumahan seluruhnya, tetapi rancangan yang sedang diatur oleh Kerajaan untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini adalah diharapkan akan dapat mengatasi seberapa banyak yang boleh akan masaalah-masaalah yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator itu.

Berbalik pula kepada soal Perjanjian Kuala Lumpur yang telah ditandatangani di antara ke bawah Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Agong kita dengan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, sukalah saya menerangkan kepada Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak bahawa saya telahpun diberi tahu pada pagi ini bahawa cek sebanyak $50 juta itu sedang dalam perjalanan ke Kerajaan Selangor (*Tepok*). Dan adalah diharapkan bahawa wang ini akan digunakan sepenuhnya untuk membangunkan Shah Alam bagi dijadikan Ibu Negeri Pusat Pentadbiran Negeri Selangor itu sendiri. Dan sekarang ini Jawatankuasa Kewangan yang ditubuhkan di bawah Perjanjian Kuala Lumpur sedang sebuk menjalankan tugas-tugasnya untuk menyelesaikan penentuan tentang pembayaran pampasan kepada Kerajaan Negeri Selangor yang telahpun bermurah hati menyerahkan kawasan Wilayah ini kepada Kerajaan Persekutuan untuk dijadikan ibu negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyaklah perkara-perkara yang telah dibangkitkan di sini semasa membahaskan Rang Undang-undang ini. Saya sukalah menyatakan di sini dengan secara ringkas tidak dapat saya menyentuh satu persatu oleh kerana ramai Ahli-ahli Yang Berhormat Senator telah menimbulkan perkara-perkara yang boleh disifatkan sebagai masaalah yang sama iaitu mengenai rancangan pembangunan, macam mana rancangan raksaksa ini hendak dijalankan di tiap-tiap negeri sedangkan banyak di antara negeri-negeri, terutama sekali negeri-negeri yang kurang maju tidak mempunyai tenaga yang cukup, terutama sekali terdiri daripada pegawai-pegawai yang mahir dan pakar-pakar dalam menjalankan rancangan-rancangan pembangunan ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan di sini bahawa Jabatan Perdana Menteri sedangpun menyusun sesuatu rangka untuk membagi-bagikan pegawai-pegawai yang terdapat samada di Kementerian-kementerian ataupun di negeri-negeri yang lain untuk di hantar bertugas di negeri-negeri yang memerlukan kepada tenaga pegawai-pegawai ini semuga dapat membantu tenaga yang ada bagi

membereskan segala masaalah untuk melicinkan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan di negeri-negeri yang tersebut.

Pulau Pinang membangkitkan masaalah-masaalahnya yang tersendiri yang saya faham dan Kerajaan Pusat sendiri faham, Yang Berhormat Senator Datuk Syed Hassan Aidid, Yang Berhormat Puan Dasimah Dasir, Yang Berhormat Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein telah menimbulkan masaalah-masaalah yang dihadapi oleh rakyat di Pulau Pinang itu sendiri. Sukalah saya menyatakan di sini bahawa Jabatan Perdana Menteri sudahpun menyiapkan lapuran yang telahpun dibuat oleh satu pasukan tugas dan lapuran ini sudahpun ditimbang oleh Kerajaan dan sekarang ini sedang dikaji oleh Kementerian saya bersama-sama dengan ICDAU di Jabatan Perdana Menteri, dan insya Allah apabila dapat kita menentukan mengikut keutamaannya rancangan-rancangan yang difikirkan akan memberi menafaat kepada rakyat yang ada di Pulau Pinang itu, maka dapatlah rancangan-rancangan ini dilaksanakan dengan seberapa cepat yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, soal-soal lain seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad, bolehlah saya jelaskan dengan cara menyatakan bahawa apa yang telahpun diberikan kepada Negeri Johor memang lebih daripada apa yang cukup, tetapi sebagai sebuah negeri yang dianggapnya sebagai negeri yang maju sudah tentulah beliau berkehendakkan lebih banyak lagi peruntukan untuk berlumba dengan Singapura mungkin. Tetapi walau bagaimanapun, ada hadnya tentang pengeluaran wang, oleh kerana sebagaimana yang saya tegaskan sekejap tadi, kita hidup di dalam satu pakatan dan persatuan yang dinamakan Persekutuan, kalau Johor sahaja maju apa pula jadi kepada Perlis, apa pula jadi kepada Kedah, apa pula jadi kepada Trengganu, Kelantan dan negeri-negeri yang kurang maju. Pertimbangan sentiasa dibuat, dan kajian sentiasa dijalankan oleh Kerajaan supaya dapat mengimbangkan pembangunan dan kemajuan di antara satu wilayah dengan wilayah yang lain, di antara satu bandar dengan bandar yang lain, di antara satu kampung dengan satu kampung yang lain. Kemudahan-kemudahan hidup untuk rakyat memang penting dan mustahak kerana kita telah merdeka 20 tahun, tetapi sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum tenaga mahir yang ada pada kita sangatlah terhad dan kemampuan untuk hendak menjalankan sekali gus segala rancangan-rancangan yang dikehendaki oleh rakyat ini mungkin tidak dapat dibuat. Oleh sebab itu, terpaksalah kita menjalankan sebarang rancangan yang dikehendaki oleh rakyat mengikut peringkat ke peringkat. Walau bagaimanapun, menyentuh soal jalanraya yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad di dalam ucapannya itu, sukalah saya menyatakan di sini bahawa.....

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, untuk membetulkan ucapan saya tadi, ingin saya petek dalam Anggaran Belanjawan Kerajaan Negeri Johor yang berbunyi demikian:

> "Dalam tahun 1976 ini Kerajaan Negeri telah menguntukkan $2 juta bagi membina jalan-jalanraya dan jambatan-jambatan kecil, Kerajaan Pusat daripada yang diminta $5.7 juta hanya sebanyak $450,000 sahaja yang diluluskan".

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya itu jugalah yang saya hendak sebutkan (*Ketawa*). Sebenarnya kita telah menguntukkan $5.7 juta untuk Negeri Johor bagi jalan-jalanraya di sana atas kadar $5,000 tiap-tiap satu batu jalan yang siap. Jadi, apabila jalan-jalanraya yang dibina itu siap maka Kerajaan Pusat akan menghulurkan bantuan untuk menampungnya. Jadi kalaulah didakwa bahawa setakat ini hanya menerima $500,000 maka kenalah cepat-cepatkah membina jalanraya ini untuk menghabiskan peruntukan yang telahpun disediakan oleh Kerajaan Pusat.

Saya tidak fikir Kerajaan Pusat akan engkar janjinya oleh sebab kita akan cuba dengan sedaya-upaya dan dengan izin Allah menunaikan segala apa yang telahpun diperuntukan menerusi Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi Fasal 6 dalam Rang Undang-undang ini telah menentukan bahawa wang pemberian ini kepada Kerajaan-kerajaan Negeri ialah untuk mengadakan perbekalan air, perumahan awam, kemajuan tanah perusahaan dan apa juga projek pembangunan yang akan disetujui oleh Majlis Kewangan Negara dan tidaklah pula bermaksud wang ini untuk menampung deficit yang dihadapi

oleh mana-mana negeri, tetapi sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi wang pemberian ini ialah untuk hendak menolong negeri-negeri yang kurang mendapat hasil pendapatan di negeri-negeri yang berkenaan. Yang Berhormat Datuk Seri Hussein Noordin tadi menyebutkan supaya wang ini tidak akan disalahgunakan oleh negeri dan tidak akan menggalakkan pula negeri mengadakan belanjawan yang berkurangan ataupun budget deficit supaya mereka ini bergantung terus-menerus kepada pemberian sepertimana yang ternyata dalam Rang Undang-undang ini. Majlis Kewangan Negara akan mengadakan persidangannya pada awal bulan Februari juga untuk membincang masaalah-masaalah kewangan di antara negeri-negeri yang kurang maju dan maju dan juga menimbang soal-soal hubungan di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri dalam soal kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Trengganu menerusi Yang Berhormat Datuk Mansor Mohamad telah juga menimbulkan perasaannya mengenai minyak. Saya sendiri barangkali tidaklah cekap untuk menjawab soalan-soalan yang ditimbulkan samada oleh Yang Berhormat Datuk Mansor itu atau keributan yang berlaku dalam persidangan Dewan Undangan Negeri yang sudah, oleh sebab memang sudah diketahui umum bahawa ada cadangan-cadangan samada oleh Kerajaan ataupun oleh PETRONAS sendiri serta dengan pengusaha-pengusaha lain untuk mendirikan perusahaan-perusahaan petro-kimia dan lain-lainnya di tempat-tempat yang difikirkan sesuai dan viable. Walau bagaimanapun, sudah tentu PETRONAS setelah mendengar jeritan daripada rakyat Trengganu akan juga memberi pertimbangannya kepada Kerajaan Negeri Trengganu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak Hussin telah mencadangkan supaya Kementerian saya menentukan supaya wang pemberian ini tidak akan disalahgunakan oleh negeri-negeri dengan cara menumpukan pembangunan di dalam satu-satu kawasan dengan melupakan pembangunan di kawasan-kawasan lain. Saya yakin dan percaya bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri akan menimbangkan perkara ini dengan sehalus-halusnya oleh kerana sudahpun menjadi dasar umum Kerajaan kita samada di peringkat pusat ataupun di peringkat negeri yang didokong bersama oleh anggota-anggota parti dalam Barisan Nasional supaya mengimbangkan kedudukan di antara satu daerah dengan satu daerah yang lain. Jadi saya yakin bahawa wang pemberian ini akan digunakan dengan sebaik-baiknya oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan akan menerimanya untuk memperbaiki keadaan yang tidak seimbang itu supaya rakyat akan mendapat kemudahan-kemudahan itu sebagaimana yang diharap-harapkannya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada apa yang telahpun saya jelaskan ini, saya fikir tidak ada apa lagi yang hendak dinyatakan melainkan berbalik kepada Pulau Pinang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Syed Hassan Aidid samada Pejabat Kastam di Butterworth itu patut dikekalkan atau tidak dan samada dapat kita memberi galakan supaya mempercepatkan penubuhan kawasan perdagangan bebas bagi Pulau Pinang untuk menggantikan free port status yang telahpun hilang setelah Pulau Pinang dimasukkan ke bawah Principal Customs Area. Perkara ini sentiasa ditimbang oleh Kementerian saya dan perundingan selalu diadakan dengan Kerajaan Negeri dan saya percaya kawasan perdagangan bebas yang diharapkan oleh Yang Berhormat Datuk Syed Hassan Aidid itu akan dapat diteruskan supaya dapat menggalakkan lagi pelaburan serta perniagaan bagi menampung saraan hidup peniaga-peniaga yang khusus berada di negeri Pulau Pinang itu.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja sedikit-sebanyak ulasan saya kepada perkara-perkara yang telahpun ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mohon maaf kalau tidak menjawab satu persatu perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh kerana boleh disifatkan bahawa perkara-perkara yang telah ditimbulkan itu sama sahaja dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, tinggal lagi sahabat saya dari Kelantan, Yang Berhormat Senator Haji Mohd. Amin telah menggesa supaya wang, terutama sekali State Road Grant dikirim dengan seberapa cepat yang boleh sebelum Kelantan ataupun negeri-negeri yang ada di kawasan Pantai Timur terutama sekali ditimpa musim tengkujuh dan dilanda banjir. Sukalah saya menegaskan di sini bahawa segala waran-waran ini telahpun dikeluarkan, terutama sekali untuk projek pembangunan mulai daripada awal bulan ini supaya dapat mempercepatkan pembangunan di negeri-negeri yang berkenaan. Mengenai State Road Grant ini kita akan mengeluarkan tiap-tiap suku tahun mengikut

peraturan yang sedia ada. Kita berharap dengan penyusunan semula ini dan dengan kerjasama semua pihak serta kesedaran dan keazaman daripada Kerajaan-kerajaan Negeri dan pihak-pihak yang berkenaan maka dapatlah kita mempercepatkan pembangunan, bukan sahaja pembangunan dari segi material tetapi juga pembangunan dari segi kerohanian supaya rakyat yang hendak kita bangunkan ini akan menikmati kesejahteraan hidup buat selama-lamanya.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, ulasan saya kepada cadangan-cadangan serta pandangan-pandangan yang telahpun ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam masa membahaskan Rang Undang-undang ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PEMBERIAN MENGIKUT BILANGAN ORANG

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.31 ptg.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa "Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda peruntukan-peruntukan Bahagian 1 Jadual Kesepuluh kepada Perlembagaan Persekutuan" dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda kadar Pemberian Mengikut Bilangan Orang (Capitation Grant) yang dipakai sekarang kepada Negeri-negeri pada tiap-tiap tahun. Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Dewan ini telahpun meluluskan Rang Undang-undang Pemberian Pertambahan Hasil yang bertujuan untuk membantu Kerajaan-kerajaan Negeri. Dalam ucapan saya bila saya mengemukakan Rang Undang-undang itu pada petang semalam, saya telahpun menghuraikan sebab-sebab Kerajaan Persekutuan mengambil langkah-langkah untuk membantu Kerajaan-kerajaan Negeri. Tujuan Rang Undang-undang Pemberian Mengikut Bilangan Orang yang dikemukakan sekarang ini adalah merupakan satu cara lagi bagi Kerajaan Persekutuan untuk membantu Kerajaan-kerajaan Negeri.

Pemberian Mengikut Bilangan Orang yang diberikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri sekarang ini adalah mengikut Perkara 109 dalam Perlembagaan. Bayaran pemberian ini kepada negeri-negeri adalah dibuat tiap-tiap tahun. Kiraannya adalah berdasarkan kepada bilangan penduduk di dalam sesebuah negeri itu mengikut banci yang terakhir sekali yang diadakan sebelum tahun kewangan semasa. Jadi pemberian sekarang adalah berdasarkan bilangan penduduk sesebuah negeri itu mengikut Banci Tahun 1970. Kadar-kadar pemberian yang dipakai sekarang tidak pernah disemak semenjak dikuatkuasakan. Setelah dikaji, adalah didapati bahawa kadar-kadar tersebut tidak sesuai lagi dalam keadaan sekarang dan dengan itu ianya perlulah disemak. Tujuan semakan ini bukan sahaja bagi maksud menambahkan pemberian kepada negeri-negeri, malahan juga untuk memberi bantuan yang lebih kepada negeri-negeri yang kurang pendapatannya. Kadar-kadar yang dipakai sekarang adalah seperti berikut:

(*a*) bagi 50,000 orang yang pertama mengikut kadar $15.00 bagi tiap-tiap seorang;

(*b*) bagi 200,000 orang yang berikutnya mengikut kadar $10.00 bagi tiap-tiap seorang;

(*c*) bagi yang selebihnya mengikut kadar $4.00 bagi tiap-tiap seorang.

Kadar-kadar baru yang dicadangkan adalah seperti berikut:

(*a*) bagi 100,000 orang yang pertama mengikut kadar $20.00 bagi tiap-tiap seorang;

(*b*) bagi 150,000 orang yang berikutnya mengikut kadar $10.00 bagi tiap-tiap seorang;

(c) bagi 250,000 orang yang berikutnya mengikut kadar $6.00 bagi tiap-tiap seorang;

(*d*) bagi yang selebihnya mengikut kadar $3.00 bagi tiap-tiap seorang.

Jumlah bayaran sekarang ialah sebanyak $63.7 juta manakala jumlah bayaran mengikut kadar-kadar baru ini sebanyak $74.5 juta. Dengan ini bermakna Kerajaan Persekutuan akan membayar tambahan sebanyak $10.8 juta setiap tahun kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Secara kasar, pembahagian kepada Kerajaan-kerajaan Negeri atas kadar-kadar baru ini adalah seperti berikut:

Negeri	*Jumlah ($ juta)*
Johor	7.3
Kedah	6.4
Kelantan	5.6
Melaka	4.4
Negeri Sembilan ..	4.9
Pahang	5.0
Pulau Pinang ..	5.8
Perak	8.2
Perlis	2.2
Selangor	8.4
Trengganu	4.4
Sabah..	5.5
Sarawak	6.4

Adalah dicadangkan Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan mulai 1hb Januari, 1976.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.38 ptg.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Rang Undang-undang ini kerana beberapa pindaan telah dibuat bagi menambahkan hasil ataupun perolehan kepada negeri-negeri di dalam Malaysia dan saya juga difahamkan bahawa pembahagian ini telahpun dipersetujui oleh National Finance Committee dan juga perundingan-perundingan dengan Pegawai-pegawai Kewangan Negeri. Walau bagaimanapun, sukalah saya menarik perhatian Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan di atas beberapa faktor yang saya harap akan mendapat perhatian Kementerian yang tersebut.

Kita telah dengar tadi bahawa pemberian ini dilakukan mengikut kadar penduduk iaitu $20 pada 100,000 yang pertama dan $10 bagi 150,000 yang berikut.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita menilik daripada keadaan penduduk-penduduk pada negeri-negeri di dalam Malaysia ini, saya rasa negeri-negeri yang mempunyai banyak penduduk seperti mana Perak dan Kedah tentulah akan merasa kekurangan, kerana kebanyakan rakyat di sana hanya akan mendapat sebanyak $3 seorang iaitu baki yang ke bawah sekali. Saya menyebut satu contoh di sini iaitu bagi negeri Kedah mendapat $6.4 juta dan kalau dihitung panjang pada seorang penduduk akan mendapat $7 berbeza pula dengan negeri Perlis yang mempunyai penduduk yang agak kurang mereka mendapat lebih kurang $18 pada setiap penduduk. Walaupun daripada segi geography negeri Kedah mempunyai keluasan 3,660 batu persegi tetapi negeri Perlis hanya mempunyai keluasan 316 batu persegi bermaknalah negeri Kedah terpaksa membelanjakan jalan-jalan yang lebih banyak dan kemajuan-kemajuan yang lebih banyak daripada negeri yang kecil. Ini tidaklah bermakna saya merasa cemburu kepada apa yang diperolehi oleh Perlis, walau bagaimanapun pada hakikatnya rakyat negeri Kedah hanya mendapat $7 seorang tetapi negeri Perlis $18 seorang.

Satu perkara yang anih yang saya ingin sebut di sini, negeri Kedah adalah mempunyai tanggungjawab yang berat terutamanya di dalam perkembangan pelajaran ugama Islam dan oleh kerana peruntukan negeri amat terhad sekali maka perjalanan pelajaran ugama yang menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri itu telah menjadi lembab dan amatlah berkurangan di masa-masa sekarang ini.

Saya juga suka hendak menyebutkan sedikit iaitu tentang hasil yang dahulu diperolehi di dalam negeri Kedah sepertimana hasil bijih besi sebanyak $\$\frac{1}{2}$ juta pada setiap tahun sejak kilang Syarikat Malayawata ditubuhkan, maka hasil-hasil ini tidak diperolehi oleh rakyat walaupun sedikit dan oleh kerana itu bolehlah difahamkan bahawa negeri Kedah telah kerugian hasil bijih besi sebanyak hampir $\$\frac{1}{2}$ juta pada setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi perkara yang saya ingin sebut di sini iaitu satu perolehan hasil yang besar pada masa dahulu sebelum didatangi oleh Inggeris negeri Kedah ada sebuah negeri yang sekarang dipanggil Pulau Pinang dan Seberang Perai. Di dalam tahun 1791 negeri ini telah dipajakkan kepada Kerajaan Inggeris yang dibayar ufti atau dibayar sewa $6,000 setahun. Selepas tahun 1800 telah dinaikkan harga pajakan itu kepada $10,000 pada setiap tahun. Jadi apa yang saya hendak sebutkan hari ini sehingga hari ini Kerajaan Persekutuan masih lagi membayar kepada Kerajaan Negeri Kedah sebanyak $10,000 sebagai bayaran atas perjanjian yang telah ditandatangani oleh Kerajaan British dahulu, dan kalau kita bandingkan dengan apa yang didapati oleh Wilayah Persekutuan iaitu sebanyak $200 juta, maka tentulah ada jauh bezanya antara $10,000 setahun dengan $200 juta yang dibayar oleh Kerajaan Persekutuan kerana mengambilalih Wilayah Persekutuan. Ini adalah sebab-sebab yang saya rasa menjadi faktor yang patut ditimbangkan iaitu yang mustahaknya ialah beberapa buah sekolah ugama di kampung-kampung sekarang ini terpaksa ditutup dan perjalanannya amatlah lemah sekali kerana Kerajaan Negeri tidak dapat hendak membiayai perjalanan sekolah ugama itu.

Dengan alasan yang serba ringkas ini bukanlah saya berharap akan dapat dipinda peruntukan ini tetapi saya harap Kementerian Kewangan akan dapat menimbangkan daripada segala segi untuk memberikan bantuan daripada saluran lain kepada negeri Kedah.

5.45 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberikan sokongan atas Rang Undang-undang yang ada dihadapan kita ini dan percakapan ini berbentuk lain dan saya cuba hendak bercakap dengan seberapa ringkas yang boleh.

Pertama sekali tentulah saya memberikan sokongan dan ini adalah hasil penyemakan pihak Kerajaan berhubung dengan pemberian mengikut bilangan orang pada tiap negeri. Menurut kadar jadual yang bersetuju dan memberikan sokongan walaupun katanya negeri Johor dapat $7 juta saya tak sebut Johor, saya hendah sebut secara am. Sebab dengan peruntukan wang yang kita beri ini daripada kemurahan Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri tidak akan berguna peruntukan wang ini kalau Kerajaan Negeri itu tidak menjalankan tugas dengan sempurna. Dengan sebab itu saya akan menarik tiga perhatian untuk pertimbangan Yang Berhormat Menteri berkenaan dalam masaalah ini. Tuan Yang di-Pertua, saya sangat bersetuju bahawa peruntukan wang ini diberikan kepada negeri-negeri yang kurang maju dan negeri-negeri yang miskin sebab daripada wang inilah akan menambah perbendaharaan negeri itu supaya dapat memajukan projek pembangunan dalam negeri itu, boleh meninggikan taraf hidup rakyat dalam negeri itu dan wang ini pula diberi pada tiap-tiap tahun. Tetapi kalau Kerajaan Pusat tidak memerhatikan di atas apa yang saya hendak sentuh ini, saya fikir hasrat dan matlamat Kerajaan Pusat tidak akan tercapai dan juga hasrat rakyat tidak berjaya. Perkara yang saya hendak sebutkan harap dikaji oleh Kerajaan Pusat dengan begitu serius kepada negeri-negeri yang saya sebutkan tadi supaya diberikan bantuan dalam tiga perkara.

Soal jentera pengurusan atau pegawai-pegawai Kerajaan samada pegawai datang daripada Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri. Kedua lapisan pegawai itu ditempatkan di peringkat negeri dan daerah. Selama ini saya nampak di antara pegawai Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri tak bekerjasama, bukan semua, ataupun tidak bersefahaman. Jadi dengan tak ada kerjasama dan tak ada persefahaman antara pegawai Kerajaan Pusat dan pegawai Kerajaan Negeri, saya fikir inilah akibatnya menjadikan kelemahan projek-projek itu dan akan mengancam projek yang diharapkan oleh Kerajaan Pusat supaya disempurnakan. Sebab pegawai-pegawai Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Pusat kalau tak ada mempunyai keikhlasan dan kejujuran dalam menjalankan tugas dengan "bulat" dan memikirkan diri mereka dalam satu team dalam menghadapi satu-satu projek, selama itulah projek yang dikehendaki oleh negeri itu akan terbengkalai dan akan terkandas sebab apabila dilepas hal ini kepada Kerajaan Pusat, pihak Kerajaan Negeri memberikan ulasan dengan begitu lama. Jadi keadaan macam ini patut difikirkan oleh Kementerian berkenaan.

Yang kedua, masaalah kurangnya pegawa professional pada negeri-negeri, tadi Yan Berhormat Menteri telah menyatakan ba hawa satu pasukan petugas akan dihantai

Perlembagaan kerana dalam Perlembagaan itu ada dicatitkan apa yang boleh dikutip dan apa yang tak boleh dikutip, apa yang Federal boleh buat dan apa yang State boleh buat. Dengan sebab itu, saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang yang dibawa oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan.

5.55 ptg.

Datuk Sri Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang untuk meminda peruntukan Bahagian I Jadual Kesepuluh kepada Perlembagaan Persekutuan.

Di sini kita telah dengar bahawa peruntukan wang yang diberi daripada Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri mengikut bilangan penduduknya. Di setengah-setengah negeri yang banyak penduduknya akan mendapat lebih bantuan daripada Kerajaan Pusat. Kerajaan Pusat adalah satu Kerajaan yang adil yang menimbang sama rata supaya tiap-tiap Negeri mendapat hak yang ditentukan di dalam Rang Undang-undang ini.

Saya hendak bertanya bagaimana Kerajaan Negeri boleh berjalan dengan adil seperti Kerajaan Pusat. Sebab tiap-tiap negeri ada daerahnya. Jadi eloklah saya syorkan kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan supaya Kerajaan Negeri juga menguntukkan wang ini kepada daerah-daerahnya mengikut banci penduduk-penduduk di dalam daerah itu. Jika sekiranya bantuan ini diberi bulat-bulat kepada Kerajaan Negeri, saya kuatir apa yang saya faham mungkin satu daerah sahaja yang akan dapat nikmat daripada bantuan-bantuan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana bermurah hati memberi tambahan bantuan kepada Kerajaan Negeri, dan dengan ini, saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

5.57 ptg.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sekuat-kuatnya Bil yang sedang kita bahaskan ini. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih bagi pihak Negeri Kelantan kepada Kementerian Kewangan yang mana telah menambahkan peruntukan dengan perubahan Bil ini.

Saya pada mulanya tidaklah hendak bercakap dalam perbahasan Bil ini, tetapi untuk mengelakan sebarang kekeliruan yang dibangkitkan oleh saudara saya Datuk Haji Ahmad Arshad yang mengatakan bahawa di Kelantan tidak ada rancangan FELDA sampai hari ini. Sebenarnya tidak betul tuduhan itu. Rancangan FELDA memang ada di sana dan namanya ialah FELDA Kemahang yang luasnya lebih daripada 10,000 ekar. Rancangan FELDA di sana telah dijalankan dan sebahagian besar lagi kawasan tanah sedang dibuat kajian. Satu daripada sebab kenapa rancangan FELDA tidak banyak di Kelantan ialah oleh kerana keadaan tanahnya tidak begitu sesuai tidak sebagaimana negeri Johor yang begitu bernasib baik.

Pada akhirnya, saya sekali lagi menyokong Bil ini dengan sekuat-kuatnya.

6.00 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bil ini dengan sekuat-kuatnya dan saya mencadangkan kepada Kerajaan kalau Kerajaan sudah menguntukkan wang untuk Rancangan Malaysia Ketiga ditambah pula dengan wang ini eloklah Kerajaan Pusat hendaklah mendapat tahu apakah projek-projek Kerajaan Negeri supaya jangan wang yang diberikan kepada negeri itu membazir sahaja. Kita mahu projek-projek negeri yang memberi faedah kepada rakyat negeri itu. Kalau untuk dipinjamkan kepada rakyat untuk berniaga, atau untuk membuat perumahan atau hendak membeli harta, saya tidak bersetuju semua sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya Kerajaan Pusat meminta kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, supaya mengadakan di tiap-tiap negeri, pegawai penyelarasan dan pegawai penyelarasan itu hendaklah duduk di Pejabat Menteri Besar itu sendiri dan orang yang dilantik itu jikalau Negeri Selangor janganlah orang Negeri Selangor jadi Pegawai Penyelarasan itu, ambil orang luar daripada Negeri Selangor itu. Jikalau Kerajaan tidak membuat penyelarasan, segala wang-wang yang akan diberi untuk Rancangan Malaysia Ketiga, ataupun peruntukan ini, akan menjadi sia-sia sahaja. Siapa yang akan susah ialah rakyat. Itulah pandangan saya, iaitu tiap-tiap negeri, mesti ada pegawai penyelarasan untuk menjalankan kerja-kerja atau

menjalankan projek-projek negeri itu tetapi projek-projek yang hendak dibuat di negeri itu mesti diluluskan oleh Kerajaan Pusat supaya tahu ke mana pergi duit itu.

Itulah pandangan saya pada Bil ini dan saya menyokong sekuat-kuatnya untuk diluluskan.

6.02 ptg.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, kali yang kedua saya berucap di Dewan ini bagi mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Persekutuan melalui Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan. Saya harap ucapan tahniah yang saya buat ini tidak disalah-tafsirkan oleh sebahagian ahli-ahli kita terjatuh kepada menunda dari belakang dengan tujuan yang lain.

Sebelum saya masuk kepada Bill ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita hendak memberi pandangan sedikit kepada Kerajaan Persekutuan iaitu di atas satu dua perkara yang saya fikir perlu dan patut saya bentangkan bagi pertimbangan Kerajaan. Pertama, peruntukan ini, Tuan Yang di-Pertua, mengikut kadar, sebagaimana tersebut dalam Fasal 2:

(*a*) bagi 100,000 orang yang pertama mengikut kadar $20 bagi tiap-tiap seorang;

(*b*) bagi 150,000 orang yang berikutnya mengikut kadar $10 bagi tiap-tiap seorang;

(*c*) bagi 250,000 orang yang berikutnya mengikut kadar $6 bagi tiap-tiap seorang;

(*d*) bagi yang selebihnya mengikut kadar $3 tiap-tiap seorang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sekali imbas saya bolehlah mentafsirkan berapakah Negeri Pahang akan dapat daripada peruntukan ini. Jikalau tidak salah saya banci Negeri Pahang ialah sebanyak 550,000 orang, bermakna pada kadar yang pertama selepas 250,000 dapat sebanyak $1.5 juta dan selebihnya itu 300,000 orang dikali dengan $3 pada tiap-tiap seorang bermakna $900,000; berjumlah kalau tidak silap perkiraan saya secara umum sebanyak $2.4 juta.

Perkara yang saya hendak bangkitkan bagi timbangan Yang Berhormat Mulia Tengku Menteri Kewangan ialah masaalah perpindahan penduduk yang berhijrah umpamanya daripada Kelantan, daripada Selangor, daripada Perak, daripada Perlis, Kedah, Negeri Sembilan termasuk Negeri Johor sendiri ke Negeri Pahang melalui rancangan pembangunan tanah, yang orang ini mengikut bancinya memang ada di negeri asal. Kalau di Johor, di Johorlah dan kalau dia orang Kelantan, di Kelantanlah; dan kalau dia orang Trengganu, di Trengganulah banci asalnya, sebab banci ini ialah dikira tiap-tiap 10 tahun sekali sedangkan orang itu berpindah mencari tempat yang baru, mencari nafkah, menambah peruntukan pendapatan keluarga mereka, kerana Negeri Pahang luas dengan tanah, membuka tanah dengan banyak, datanglah rakyat daripada segala negeri ini ke negeri Pahang. Maka peruntukan orang itu yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, ada di negeri asal mereka sedangkan mereka sendiri sudah berpindah atau berhijrah di Negeri Pahang umpamanya. Adakah ini termasuk dalam perkiraan yang dimaksudkan itu? Pada hemat saya, ini tidak dikira, sebab ini dikira pada penghujungan banci. Saya tidak faham barangkali ada banci di hujung tahun yang dimaksudkan di sini kalau-kalau tahun pada tahun lepas, tetapi sepanjang yang saya maklum banci ini dikira tiap-tiap 10 tahun sekali berakhir pada 1970 dan kalau saya silap, saya minta maaf kepada Dewan ini. Apahal mereka ini? Sebab mengikut pepatah kita, Tuan Yang di-Pertua: "Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung." Bermakna mereka yakni rakyat yang berhijrah itu mestilah membuat khidmat, memajukan dan tinggal menetap di negeri tempat mereka berhijrah, maka patutlah ditimbangkan oleh Kerajaan supaya ada peruntukan tambahan khas bagi Negeri Pahang khasnya.

Saya appeal perkara ini, Tuan Yang di-Pertua kepada Yang Berhormat Mulia Tengku, kerana Negeri Pahang menampung masaalah yang saya cakapkan tadi dan tidak mengusik dan tidak minta peruntukan yang diberi kepada negeri-negeri lain itu kerana ada setengah-setengah orang mengatakan, Tuan Yang di-Pertua, Negeri Pahang ini kaya, pelabuhan ada, hutan ada, gajah ada, apa ada, semua ada, harimau ada. Tetapi, saya fikir Tuan Yang di-Pertua pernah pergi ke Kuantan, di sebelah kiri jambatan Sungai Kuantan, beratus buah rumah yang masih atap nipah, di mana orang Melayu bumiputra diam di Kuantan, Tuan Yang di-Pertua, di Tanjung Lumpur terdiri daripada kaum

nelayan dan sebahagiannya tinggal di Kampung Baserah hala ke Trengganu, dan kalau ada pembangunan yang ada di Kuantan umpamanya dimegahkan dengan port dan sebagainya. Itu satu kemegahan negara, tidak umumnya rakyat Negeri Pahang itu kaya. Kalau sekiranya Tuan Yang di-Pertua berpeluang berjalan dan melawat ke kawasan daerah Ulu Negeri Pahang atau dipanggil Pahang Barat masih ada rakyatnya menggunakan jalan sungai. Ada kawan-kawan saya, Tuan Yang di-Pertua, mengatakan sungai itu no problem, tetapi dia menghadapi berbagai bencana alam. Saya telah bertanya di Daerah Lipis, telah dimasuk dalam perancangan electricity, kerana dam yang akan didirikan di Tembeling. Maka Daerah Kuala Lipis, dan Jerantut dijangka dapat letrik bilamana siap pada tahun 1980 dan malangnya pada masa yang akhir-akhir ini ampangan yang dicadangkan itu ditunda bagi pertimbangan selanjutnya oleh sebab-sebab masaalah negara.

Saya pernah mendatangkan pertanyaan kepada Menteri Kemudahan-kemudahan Awam, apa kesahnya dengan orang Kuala Lipis sedang Jerantut akan disambung dengan saluran National Great Line—beliau menjawab, beliau berkehendakkan notis.

Saya sedih sekali, Tuan Yang di-Pertua, kerana perimbangan dan perincian kita bahawa dam itu dibuat ialah untuk penduduk di Jerantut dan Kuala Lipis. Apabila dam ini tidak jadi dirancangkan mengikut jadual, orang Kuala Lipis tidak tahu, apa yang harus mereka lakukan. Sebagai seorang yang bertanggungjawab, saya hormat jawapan yang sangat menasabah kepada Dewan ini. Tetapi apakah penyelarasan Kementerian dengan Kementerian atau baik sangka Menteri dengan Menteri dalam kita menghadapi pilihanraya yang telahpun ada bunga-bunga keluar dalam akhbar.

Tuan Yang di-Pertua, dari contoh kemiskinan yang saya nyatakan berasa amat ghalat kalau sahabat-sahabat saya, Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini memperkaitkan masaalah pelabuhan yang telahpun ujud di Kuantan yang katanya pada mula-mula dahulu diujudkan di Trengganu diselewengi ke Kuantan dan diucapkan di Dewan ini bahawa projek itu telah dirancang dan disetujukan oleh orang yang kita amat hormati dan beliau sudah tidak ada dalam alam ini. Walaupun secara tidak langsung isi ucapan itu tidak menunjukkan atau memperkatakan nama seseorang tetapi kita sudah hidup lama, gerak ikan dalam air kita tahu samada jantan atau betinanya. Tuan Yang di-Pertua, saya amat ghalat kerana saya tidak mengatakan depot perbekalan itu mesti dibuat di Kuantan. Saya tidak bercakap mesti dibuat di Kuantan. Apa yang saya ucapkan biarlah beri pertimbangan itu kepada Kerajaan dan beri sepenuh- penuh kebebasan kepada pelaburan dan pengusaha-pengusaha minyak biarlah Kerajaan Pusat membuat keputusan, biarlah kita membebaskan mereka berfikir di mana yang elok, sebab tidak ada perkara yang kita boleh tengkarkan dalam masaalah ini. Mengikut sejarah tidak ada bezanya di antara Johor, Pahang dan Trengganu. Pada zaman pemerintahan Melayu dahulu, negeri Johor, Trengganu dan Pahang adalah di bawah satu Raja. Apabila British datang ke negara kita ini, merekalah yang memisahkan dan memecahkan negeri-negeri berkenaan dengan sempadan yang baru baharulah almarhum Raja Johor dan Pahang pada masa itu menetapkan sungai Endau sebagai sempadan maka berpecahlah Pahang dengan Johor.

Kemudian datang pula ke Trengganu, ditetapkan sempadannya di Jabor maka Jaborlah menjadi sempadan kedua negeri itu. Pada hakikatnya sempadan Pahang/Trengganu yang sebenarnya menurut cerita tua-tua ialah dekat dengan Cukai pada bukit batu yang hampir dengan bandar Kemaman, itulah sempadan asal. Akan tetapi kerana mereka bersaudara, berkasih sayang, diambil oleh adik atau/oleh abang, tidak menjadi perkiraan seperti sekarang. Rupa-rupanya pada masa yang akhir-akhir ini tekanan kemiskinan ini menjadi satu cabaran kepada Kerajaan kita, cabaran kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kita. Yang demikian apa salahnya angka ini dinaikkan sedangkan kalau kita kira hasil minyak di negara kita sekarang 20% diberi kepada pengeluaran, tinggal 80%. 10% bahagi dua—Federal 5%, State 5%. Lepas itu pula baki 70% itu 1/3 diberi kepada kongsi pengeluaran, yang 2/3 diberi kepada Kerajaan Pusat semula. Tuan Yang di-Pertua, begitulah yang saya tahu. Kalau salah tafsiran dalam mengkaji perjanjian ini, saya tentulah tidak begitu tepat, barangkali Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sendiri yang lebih mengetahui tetapi dalam ramalan atau nujum Professor "Sadar," apa yang saya katakan itu adalah benar. (*Ketawa*).

Ini bermakna sekarang lebih daripada 49% hasil minyak yang ada dikeluarkan di negara

ini terpulang kepada Kerajaan Pusat. State atau Negeri hanya dapat 5% sahaja daripada keuntungan itu. Walaupun Kerajaan Pusat boleh berkata kawasan minyak itu sekarang lebih 200 batu, 300 batu jauh daratan negeri-negeri tetapi kerana kita mempunyai perasaan kasih sayang antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri apa salahnya angka ini dinaikkan, sekurang-kurangnya untuk tahun ini. Tuan Yang di-Pertua saya harap appeal saya yang pertama itu dipertimbangkan kerana hampir 100,000 orang rakyat yang datang daripada negeri Trengganu, Kelantan, Johor, Melaka, Pulau Pinang yang berhijrah ke negeri Pahang sekarang yang menjadi tanggungjawab kepada negeri Pahang sedangkan mereka itu belum masuk dalam bancian—sedangkan keselamatannya, kehidupannya, kebijakannya dan sebagainya adalah dipertanggungjawabkan kepada Negeri Pahang.

Saya mohonlah supaya dapat dipertimbangkan dengan adil dan saya tahu Menteri Kewangan kita yang baharu ini seorang yang berpandangan jauh, walaupun dia masih muda. Jikalau dia sudah penuh umurnya, pengalamannya, akan lebih lagi mempunyai perasaan timbang rasa. Saya mengatakan "penuh" bukanlah maksudnya ibarat air di dalam mangkuk. Saya maksud "penuh" maknanya tiap-tiap seorang yang belum berumahtangga, dia masih muda dalam alam pengalaman walaupun beliau mewarisi kelibar yang tinggi. Saya akui apabila sudah berumah tangga maka tumbuhlah perasaan yang tebal, perasaan tanggungjawab, yang meliputi seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merayu kepada Kerajaan Persekutuan berkenaan dengan masaalah cukai. Sekarang ini kita mempunyai cukai direct Kerajaan Persekutuan kepada cukai negeri. Apa salahnya negeri itu sendiri diberi kuasa boleh mencukai sedikit daripada hak Persekutuan? Umpamanya, Kerajaan Persekutuan sendiri pun mengecek Kerajaan Negeri mencantumkan kuasa mengutip cukai tanah, itu hak Kerajaan Negeri. Tetapi Kerajaan Persekutuan ada pula menguntukkan Cukai Pelajaran atau Education Ratenya sebanyak 3% dalam cukai negeri. Apa salahnya kalau negeri diberi kuasa yang macam itu juga kepada cukai Persekutuan. Katalah cukai secara langsung Kerajaan Persekutuan diperuntukkan negeri itu sendiri, umpamanya, saya bandingkan tadi macam cukai tanah.

Jadi ini kita dapat dua sumber, daripada bantuan yang pertama yang diluluskan tadi dengan bantuan Bil ini akan diluluskan tidak lama lagi dan yang ketiga ini akan menambah hasil negeri yang dhaif. Saya mengaku dan saya tidak bangga, kekayaan negeri Pahang yang ada itu bukan untuk rakyat negeri Pahang oleh sebab kami tidak begitu pandai mengecek, bersidang pun kami cepat-cepat tidak sampai pukul 3.00 pagi. (*Ketawa*) Kami cuma bersidang pada had yang sepatutnya sahaja. Jadi segala kekayaan ini diambil oleh orang Johor, atau orang Selangor. Orang Trengganu sendiri datang ke Pahang. Saya minta maaf orang Kelantan pun ada juga sama. (*Ketawa*) Kami sentiasa melayan akan saudara-saudara yang datang dari negeri yang disebutkan asalkan mempunyai maruah yang tinggi, berbudi bahasa. Biar kami lapar asalkan saudara-saudara kami yang di kiri kanan kenyang. Tetapi layanan yang baik ini hendaklah dibalas dengan baik juga. Oleh itu, saya hanya merayu kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan apalah jua kiranya orang yang berhijrah tadi yang saya katakan lebih 100,000 yang ada di Negeri Pahang sekarang ini yang menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri mendapat peruntukan tambahan dari Kerajaan.

Jadi, saya rasa dua perkara ini cukuplah Tuan Yang di-Pertua, saya mohon merayu kepada Kerajaan Persekutuan melalui Dewan yang mulia kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita supaya dapat dipertimbangkan, mudah-mudahan akan beroleh persetujuan akhirnya kelak. Tuan Yang di-Pertua, dengan segala penuh hati dan rendah hati saya menyokong Bil ini diluluskan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknoloji dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam.

RANG UNDANG-UNDANG PEMBERIAN MENGIKUT BILANGAN ORANG

6.22 ptg.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, semasa perbahasan Bil yang lepas, saya tidak memberi apa-apa pendapat saya dan juga pada Bil ini saya tidak bercadang pada mulanya hendak bercakap, tetapi apabila timbul ucapan-ucapan dalam Dewan ini yang boleh menggambarkan satu perpecahan di antara negeri-negeri, umpamanya, Trengganu mulai menimbulkan bagaimana perasaannya dan Pahang cuba mempertahankan, Johor menunjukkan kekuatannya dan Trengganu cuba memujuk Kelantan supaya menyokong sebelahnya, sebab Yang Berhormat Menteri Kewangan daripada Kelantan. Jadi, nampaknya timbullah satu masaalah dalam pembahagian harta ini, sudah timbul satu masaalah perpecahan di antara negeri-negeri.

Barangkali saya tidaklah begitu salah kalau sekiranya saya katakan pembahagian bantuan pada negeri-negeri yang berasas kepada kepala-kepala penduduk ini diamalkan pada masa penjajahan lagi, iaitu kita amalkan sistem ini daripada masa colonial. Kalau sekiranya asas pembahagian bantuan ini diasaskan kepada kepala penduduk sebagaimana colonial dahulu sudah tentulah menimbulkan perkara-perkara perasaan tidak puas hati di antara negeri dengan negeri, dan ini memang disukai oleh colonial supaya negeri Kelantan bergaduh dengan Trengganu, Pahang bergaduh dengan Johor, di antara satu negeri dengan negeri itu menimbulkan tidak adanya perpaduan.

Kalau kita fikir dan kaji dengan halus asas ataupun cara bantuan mengikut kepala ini sepatutnya kita baiki (review) dan kaji balik serta kita hapuskan sistem cara pembahagian mengikut kepala penduduk, sebab asasnya tidak begitu kuat untuk kita hendak menyatupadukan negeri-negeri di dalam Malaysia ini. Kita tidak mahu timbul perasaan kenegerian, kita tidak mahu timbul perasaan perkauman dan juga kita tidak mahu perasaan hasat dengki di antara satu pihak dengan satu pihak yang lain. Perkara ini timbul pada masa penjajahan tetapi pada masa kita telah merdeka dan setelah kita tubuhkan satu Kerajaan yang pada himat kita satu Kerajaan yang boleh menyatupadukan rakyat yang akan dapat melupakan negeri-negeri, hak kepentingan negeri masing-masing, kepentingan kaum masing-masing dan yang dapat melupakan hak kepentingan golongan masing-masing semata-mata untuk kepentingan negara. Maka saya fikir sudah sampailah masanya bagi pihak mereka yang merumuskan dasar pembahagian bantuan ini menimbangan balik dan mencari satu cara yang lebih yang dapat kita bahagikan pembahagian baik kekayaan negara ini dengan cara yang adil dengan tidak menimbulkan perpecahan perasaan dan perasaan kenegerian di dalam negara kita ini.

Saya rasa kalau kita hendak bercakap lanjut dalam masaalah pembahagian harta ini, maka bolehlah kita katakan ia akan meliputi berbagai-bagai masaalah. Hari ini kita timbulkan masaalah minyak dapat ditemui di Trengganu, Pahang, maka kita hendak memikirkan pembahagian harta kekayaan yang dapat kita keluarkan daripada bumi kita itu berasas kepada tempat negeri yang mengeluarkannya. Inipun satu masaalah (problem) yang akan timbul. Kalau Kelantan dapat mengeluarkan bijih emas atau berlian umpamanya, maka akan timbul perasaan barangkali orang Kelantan kata: emas dan berlian ini kepunyaan negeri Kelantan dan menimbulkan sejarah sebagaimana kata Datuk Haji Abdul Razak daripada Pahang, kekuatan negeri Pahang, kedudukan negeri Pahang dan sebagainya. Perkara ini saya rasa menjadi satu masaalah yang besar bagi negara kita memikirkan balik bagaimana cara pembahagian kekayaan ini dapat kita aturkan dengan lebih baik dan sempurna, sebab jangan kata negara, keluarga pun kerana harta sanggup bergaduh, adik-beradik berpecah-belah mengenai pembahagian kekayaan harta. Jadi ini adalah masaalah penting untuk negara kita menimbang balik cara colonial dahulu kalau boleh kita hapuskan, mana yang tidak baik kita buangkan, kita mahu cara yang lebih baik yang boleh menyatu-padukan dan yang boleh merupakan perasaan kenegerian, perkauman dan sebagainya supaya dapat kita bentukkan satu bangsa yang kuat, satu negeri yang bersatu. Ini sahaja pandangan saya pada Dewan ini.

6.27 ptg.

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan ini untuk menyokong Bil yang diperbahaskan di dalam Dewan ini.

Di sini saya suka mengambil beberapa pandangan daripada Bil dan diharap Kerajaan Persekutuan akan menukar fikiran berkenaan sistem berkongsi kuasa hasil atau cukai di negara ini atau di dalam bahasa Inggeris "System of sharing of powers of taxation in this country". Kalau kita mahu mengadakan sistem Persekutuan (System of Federation) dan kalau negara ini mengadakan tiga tingkat Kerajaan di negara ini iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan, kita mesti tukar dan review kuasa hasil atau kuasa cukai yang ada sekarang. Kebanyakan Kerajaan-kerajaan Tempatan atau Majlis Tempatan seperti Majlis Perbandaran, Majlis Daerah atau Majlis Tempatan yang ada sekarang tidak boleh hidup disebabkan kebanyakan badan-badan ini atau majlis ini tidak ada kuasa mendapat hasil dan tidak boleh beri services atau maintain kawasan di dalam majlis ini, oleh sebab semua kuasa-kuasa untuk mendapat hasil cukai diambil oleh Kerajaan Persekutuan.

Di sini saya harap melalui Kementerian Kewangan atau Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri boleh initiate satu perkiraan yang baru untuk berkongsi kuasa cukai yang ada sekarang. Kebanyakan Kerajaan Negeri tidak boleh menjalankan tugasnya disebabkan tidak ada tanah lagi untuk mengadakan rancangan dan berbelanja yang besar untuk satu-satu negeri itu. Dan dengan sebab itu jikalau kita tidak investigate atau review kuasa cukai ataupun hasil di tiap-tiap negeri ataupun Majlis Kerajaan Tempatan. Saya ingat pada masa yang akan datang badan ini tidak akan ada lagi, kerana kebanyakannya tidak boleh mengikut financial autonomy. Itulah sedikit sebanyak yang suka saya bangkitkan di sini dan saya menyokong Rang Undang-undang ini sepenuh-penuhnya.

6.30 ptg.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, mungkin tidak ada banyak perkara yang hendak diulas oleh kerana di antara Ahli-ahli Dewan ini sendiri telah cuba jawab-menjawab (*Ketawa*) dalam masa kita membahaskan Rang Undang-undang ini. Sungguhpun Yang Berhormat Datuk Haji Nik Hassan mensifatkan bahawa itu seolah-olah pergaduhan kerana ditekankan atau didorongkan oleh perasaan kedaerahan atau kenegerian tetapi saya fikir itu adalah didorongkan oleh kerana hendak bergurau oleh kerana lama sangat bersidang di dalam Dewan ini.

Saya sendiri menganggapkan, Tuan Yang di-Pertua, kehadiran Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Dewan ini adalah suatu keistimewaan oleh kerana ini adalah suatu Dewan—bukanlah saya hendak mengecil-ngecilkan suasana dalam Dewan Rakyat; yang mempunyai perasaan muhibbah, perasaan kekeluargaan sehinggakan ada orang-orang yang menjolok-jolok dari belakang (*Ketawa*) mungkin untuk hendak membahagi-bahagikan bahan-bahan ucapan dan ada pula kadangkala yang cuba hendak bergurau-gurau di samping berhujjah. Dan saya pandang ini adalah suatu suasana yang sihat dan baik dan patut dipupuk dan sinilah terdapat banyak fikiran kerana Ahli-ahli Yang Berhormat tidak terikat dengan kawasan, maka tidak ada banyak hendak main politik. Sungguhpun ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat mewakili negeri-negeri sebagai orang yang dipilih ataupun yang dipilih oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, jadi kalaulah timbulnya perasaan kenegerian maka itu adalah untuk menyuarakan hak bagi tiap-tiap negeri semata-mata.

Sungguhpun Yang Berhormat Datuk Haji Nik Hassan telah menimbulkan bahawa sistem pembahagian mengikut bilangan orang yang dinyatakan di dalam Rang Undang-undang ini mungkin berasaskan cara colonial, tetapi suka saya mengingatkan Dewan ini bahawa ini telahpun dibahaskan dengan masak dan telahpun diterima oleh kita semasa mereka menggubal Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dalam tahun 1957 dan masa-masa terlebih dahulu daripada itu. Oleh kerana apa yang sedang dibahaskan oleh kita pada hari ini ialah suatu Akta untuk meminda peruntukan-peruntukan Bahagian I kepada Jadual Kesepuluh kepada Perlembagaan Malaysia yang ada dan yang sedang berjalan kuatkuasa. Saya fikir ini adalah satu cara yang baik oleh kerana walaupun diasaskan kepada bilangan penduduk daripada semasa ke semasa tetapi ini tidak akan menyentuh perasaan bagi mana-mana negeri bahkan di dalam pakatan Persekutuan, sebagaimana saya telah sebutkan tadi dan izinkan saya tegaskan sekali

lagi, ini akan menguatkan lagi hubungan di antara rakyat dan di antara satu negeri dengan satu negeri yang lain—walaupun ada penghijrahan di antara negeri-negeri itu seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin. Memanglah negeri Pahang itu sedang dikerumuni orang, oleh kerana, Tuan Yang di-Pertua, negeri Pahang bukan sahaja negeri yang subur dan luas tetapi negeri yang tidak mempunyai penduduk yang ramai. Jadi sudah tentulah dengan kawasan-kawasan yang luas yang mempunyai tanah yang subur dan kekayaan sendiri, maka adalah wajar bagi penduduk-penduduk di negeri-negeri lain yang dahagakan kepada kemajuan-kemajuan yang sedang diusahakan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat untuk menikmati daripada kebahagian hidup yang akan dirasai di negeri Pahang itu.

Bagi pihak rakyat lain saya percaya mereka akan mengucapkan terima kasih kepada rakyat negeri Pahang kerana bermurah hati untuk berkongsi di sana. Jadi kalaulah tidak puas hati dengan cara pembahagian ini kerana dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak Hussin tadi berasaskan kepada bancian yang lama sedangkan bilangan penduduk bertambah oleh kerana penghijrahan penduduk daripada negeri-negeri yang lain ke negeri Pahang mungkin saya suka mengesyorkan supaya lebih ramai lagi orang berkahwin di sana (*Ketawa*) kerana supaya tidak timbul perasaan sebagaimana yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak Hussin.

Tetapi berbalik kepada soal serious sedikit, Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan di sini bahawa tidak ada asas yang lain yang boleh dipakai oleh Kerajaan Persekutuan untuk hendak menentukan cara pembahagian mengikut bilangan ini. Hanya dapat kita asaskan kepada bancian yang dibuat 10 tahun sekali. Dan asas pembahagian mengikut bilangan sebagaimana telah saya nyatakan di dalam ucapan saya sekejap tadi apabila membentangkan Rang Undang-undang ini ialah berdasarkan kepada banci tahun 1970. Saya fikir ini adalah yang seadil-adilnya pembahagian oleh kerana kita tidak dapat hendak menentukan dari setahun ke setahun pemindahan orang ataupun jumlah orang yang kekal di dalam satu-satu negeri disebabkan adanya kemesraan di antara rakyat dalam satu negeri dengan satu negeri yang lain; Johor dengan Melaka misalnya, Johor dengan Pahang, Selangor dengan Negeri Sembilan dan lain-lain negeri. Walaupun kita disifatkan sebagai pakatan dalam Persekutuan tetapi ini hanya merupakan unit-unit yang menguatkan lagi kedudukan kita di dalam negeri ini. Kerajaan Pusat mungkin dalam bentuk yang ada pada masa ini mengikut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya dalam peruntukan-peruntukan tertentu di dalam Perlembagaan tidak dapat melayankan rayuan sepertimana yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Dr Lim Keng Yaik dan juga oleh saudara-saudara yang lain seperti Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak Hussin untuk hendak membahagi-bahagikan kuasa percukaian supaya pembahagian kepada negeri-negeri itu didasarkan kepada peratusan cukai pendapatan ataupun cukai secara langsung yang dikutip oleh Kerajaan Pusat daripada satu-satu negeri. Oleh kerana ini akan menimbulkan masaalah pentadbiran dan juga menimbulkan masaalah tidak seimbang pembahagian di antara satu negeri dengan satu negeri yang lain.

Apa yang sedang diusahakan oleh Kerajaan Pusat pada masa ini samada dengan cara pemberian mengikut Rang Undang-undang yang baharu sahaja diluluskan oleh Dewan ini dan Rang Undang-undang yang sedang dibahaskan pada masa ini ialah untuk hendak meimbangkan kedudukan supaya negeri Perlis misalnya—maaf kalau saya gunakan Perlis—yang mungkin tidak akan bertambah penduduknya dengan begitu ramai dan mungkin tidak akan bertumbuh dengan sebegitu cepat seperti negeri-negeri yang lain akan jauh ketinggalan, dan tidak mungkin negeri Perlis buat pada masa ini akan menemui telaga minyak misalnya ataupun gunung yang berisi dengan emas, tetapi kekayaan daripada negeri-negeri lain boleh dibahagi-bahagikan menerusi Perbendaharaan Kerajaan Pusat untuk meimbangkan tidak seimbangnya kedudukan kemajuan di negeri-negeri yang tertentu. Jadi, di situlah adanya kekuatan di sebalik pakatan Persekutuan yang penganjur telah asaskan mulai tahun 1948 dengan murah hatinya Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu kita sehinggalah menjadi asas Perlembagaan Malaysia pada tahun 1957 dan 1963. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak fikirlah Yang Berhormat Datuk Nik Hassan pun serious apa yang telah disuarakannya oleh

kerana nampak banyak yang hendak bergurau antara satu sama lain dalam Dewan ini.

Saya hanya sukalah menyatakan di sini kepada Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad bahawa soal kedudukan pegawai-pegawai Kerajaan samada pegawai Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Pusat yang ditempatkan di negeri-negeri yang tertentu itu kadangkala adalah timbulnya soal-soal conflict of personality. Itu tidak dapat dinafikan dan tidak dapat dielakkan di mana-mana pun terdapat kelemahan seumpama ini, tetapi tidaklah ini akan meruncingkan kedudukan pentadbiran dan tidak pun pernah kita mendengar perkara ini menyulitkan pentadbiran di dalam satu-satu negeri. Saya pun tidak pernah membaca lapuran ataupun Kerajaan Pusat tidak pernah menerima lapuran yang mengatakan pegawai-pegawai Kerajaan telah membelakangkan ketua ataupun pemimpin Kerajaan Negeri, oleh kerana biasanya kalau berlaku perkara seumpama itu tindakan disiplin dilakukan oleh Kerajaan Pusat terhadap pegawai-pegawai Kerajaan yang berkenaan. Jadi, walau bagaimanapun, perhatian selalu diberi untuk memupuk semangat persaudaraan di antara pegawai-pegawai Kerajaan Negeri dengan pegawai-pegawai Kerajaan Pusat yang dihantar untuk bertugas di negeri-negeri yang berkenaan dan juga dengan pemimpin-pemimpin politik yang ada di negeri-negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin bertanya kepada saya bagi pihak Kerajaan Pusat samada Kerajaan Pusat dapat menentukan supaya wang yang akan diberikan setelah diluluskan Rang Undang-undang ini akan dibahagi dan digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk membangunkan kawasan-kawasan dalam negeri-negeri yang berkenaan supaya meimbangkan kadarnya. Memanglah itu hasrat Kerajaan Pusat dan saya percaya Yang Berhormat Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain sedar bahawa semua Kerajaan yang ada di tanahair kita pada masa ini samada di peringkat Pusat ataupun peringkat Negeri adalah didokong oleh Barisan Nasional dan mereka mempunyai suatu dasar dan satu pandangan dan sudah tentu dasar ini menyeluruh dan akan dipatuhi dan diikuti oleh pemimpin-pemimpin politik di segenap peringkat supaya tidak ada penyalahgunaan wang dan wang itu akan digunakan sebaik-baiknya untuk membaiki keadaan yang tidak seimbang yang terdapat samada di antara Wilayah ataupun di antara desa dengan desa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob telah membangkitkan supaya mengawasi keadaan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Hussein kegunaan wang ini diadakan seorang pegawai penyelarasan. Saya fikir tidak perlu mengadakan tambahan pegawai di peringkat Kerajaan Negeri oleh kerana sudah pun ada seorang pegawai Kemajuan Negeri yang duduk di bawah Kerajaan Negeri, tetapi bertanggungjawab terus Jabatan Perdana Menteri. Beliaulah yang akan menentukan perancangan dalam negeri dengan berhubung rapat dengan pegawai-pegawai perancang samada di peringkat negeri ataupun di peringkat Pusat dan menentukan juga penyaluran wang untuk pembangunan baik pun di peringkat kawasan ataupun peringkat negeri. Jadi, saya tidak fikir Pegawai Kemajuan Negeri ini tidak dapat menjalankan tugas sebagaimana yang diharapkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob.

Tuan Yang di-Pertua, itulah ulasan saya kepada beberapa perkara yang telah ditimbulkan di dalam perbahasan sekejap tadi mengenai Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita dan sekali lagi saya suka mengucapkan ribuan terima kasih atas pandangan yang baik dan berguna serta juga atas sokongan yang telah diberi supaya meluluskan Rang Undang-undang yang dikemukakan ini. Sekian, terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG INSTITIUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (PINDAAN)

Bacaan kali Yang Kedua dan Ketiga

6.50 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin mengemukakan Rang Undang-undang Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan) 1976 dibaca bagi kali yang kedua.

Di antara beberapa pindaan yang diperlukan ialah pindaan mengenai cara perlantikan Pengarah dan Timbalan Pengarah serta bilangan jawatan Timbalan Pengarah yang patut diujudkan di dalam organisasi MARDI. Akta yang berkuatkuasa sekarang ini memperuntukkan supaya Pengarah dan Timbalan Pengarah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas pencalunan Menteri setelah berunding dengan Majlis Sains. Adalah difikirkan lebih sesuai supaya perlantikan Pengarah diperbuat oleh Yang di-Pertuan Agong dengan pencalunan Menteri yang bertanggungjawab tanpa berunding dengan Majlis tersebut. Bagi Timbalan Pengarah pula, adalah memadai perlantikannya diperbuat oleh Menteri sendiri. Kedua-dua pindaan ini bertujuan memudahkan proses perlantikan supaya dapat mengelakkan kelambatan yang mungkin timbul. Dalam pada itu juga, adalah difikirkan tidak perlu perundingan diperbuat dengan Majlis Sains, memandangkan bahawa perlantikan ini adalah perkara pentadbiran dan bukan perkara saintifik

Akta ini juga menghadkan bilangan jawatan Timbalan Pengarah kepada 2 orang sahaja. Adalah difikirkan lebih praktik jika jawatan tersebut tidak dihadkan bilangannya kepada angka-angka yang tertentu supaya tidak menghalang tindakan yang cepat bagi menambah atau mengurangkan bilangan jawatan tersebut mengikut keperluan dari satu masa ke satu masa.

Satu lagi pindaan yang dicadangkan ialah berkaitan dengan keahlian Lembaga. Akta MARDI yang ada sekarang menentukan Pengarah MARDI sebagai Pengerusi Lembaga. Ini adalah satu kedudukan yang berlainan daripada amalan badan-badan berkanun yang lain yang pada kebiasaannya, mempunyai Pengerusi Lembaga yang berasingan daripada ketua eksekutifnya. Dengan itu adalah difikirkan lebih sesuai diadakan peruntukan bagi Pengerusi Lembaga dilantik oleh Menteri yang lain orangnya daripada Pengarah sendiri yang menjadi ketua eksekutif.

Adalah juga dilihat bahawa keahlian Lembaga pada masa ini tidak meliputi perwakilan Bahagian Perancang Ekonomi sungguhpun Bahagian tersebut ada diwakili di dalam Majlis Sains. Saya berfikir adalah lebih mustahak dan sesuai bagi Bahagian tersebut diwakili dalam Lembaga daripada Majlis Sains memandangkan pandangan makro yang boleh diadakan olehnya dari segi dasar pertanian dan pembangunan negara.

Pada masa ini, perlantikan ahli-ahli Lembaga adalah diperbuat oleh Yang di-Pertuan Agong. Pada kebiasaannya, ahli-ahli Lembaga badan-badan berkanun dilantik oleh Menteri yang berkenaan. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan supaya ahli-ahli Lembaga MARDI juga dilantik oleh Menteri dengan peruntukan bahawa semua yang dilantik itu adalah boleh dilantik semula. Ini adalah bertujuan menentukan adanya persambungan di dalam keahlian Lembaga untuk memberi sumbangan yang berkesan.

Perubahan di dalam organisasi MARDI serta komposisi Lembaga tidak akan berkesan jika sekiranya tiada perubahan-perubahan dilaksanakan dari segi keahlian Majlis Sains. Memandangkan bahawa MARDI adalah satu institiut penyelidikan yang utama di negara ini, sumbangan kepakaran yang boleh diadakan oleh Majlis Sains adalah sangat mustahak. Dengan yang demikian, adalah perlu bagi Majlis tersebut mempunyai status serta kemampuan yang wajar bagi menjalankan tanggungjawab itu. Bagi maksud ini, keanggotaan Majlis tersebut hendaklah diperluaskan supaya sebarang kepakaran dan pengalaman bersabit dengan pertanian dapat diwakili di dalamnya. Di bawah Akta sekarang, Kementerian Pertanian hanya mempunyai seorang ahli sahaja di dalam Majlis tersebut. Adalah difikirkan perlu ditambah lagi bilangan itu kepada 3 orang wakil supaya lebih bermakna memandangkan bahawa MARDI juga bertanggungjawab

dalam penyelidikan ternakan dan ikan air tawar. Dalam pada itu pula, adalah diperhatikan sekarang tiada pertalian atau perhubungan yang erat di antara perjalanan Lembaga MARDI dengan usaha-usaha Majlis Sainsnya. Ini mungkin disebabkan jawatan Pengerusi Majlis Sains adalah dipegang oleh ahli yang dilantik luar daripada organisasi MARDI. Dengan itu, untuk mengujudkan pertalian yang lebih berkesan antara kedua-duanya adalah dicadangkan supaya Pengarah MARDI sendiri ditetapkan sebagai Pengerusi Majlis Sains.

Pada masa ini, banyak kekeliruan telah timbul disebabkan berlainannya gelaran-gelaran yang digunakan dalam badan-badan berkanun. Dalam perkara ini, adalah sesuai jika sekiranya gelaran-gelaran jawatan yang digunakan oleh MARDI adalah selaras dengan gelaran-gelaran yang digunakan dalam badan-badan berkanun yang lain. Bagi maksud ini, gelaran Pengarah dan Timbalan Pengarah Institiut tersebut haruslah ditukar kepada Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah.

Selain daripada pindaan-pindaan yang utama seperti yang telah saya huraikan di atas itu, pindaan-pindaan lain adalah kecil dan berupa lanjutan (consequential) sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan), 1976 dibaca bagi kali yang kedua.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

6.56 ptg.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong penuh Rang Undang-undang yang dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi kerana pada pendapat saya dalam zaman sains dan teknoloji ini Jabatan yang tersebut adalah sangat penting dan mustahak bagi kemajuan dan pembangunan negara. Peranan yang dimainkan oleh MARDI ini bagi meneroka peluang-peluang baru ataupun lapangan-lapangan baru dalam mempelbagaikan hasil pengeluaran negara kita adalah sangat-sangat menggalakkan dengan sepenuhnya.

Kita mempunyai banyak hasil-hasil bumi yang selama ini kita tidak tahu bagaimana cara hendak mengenalkannya kepada dunia luar. Misalannya kita ada buah rambutan, betik, manggis dan durian yang terkenal yang selama ini kita hanya ambil daripada kebun-kebun ataupun dipetik dari pokok-pokoknya, kita jual dengan cara, begitu sahaja dan benda ini tidak tahan lama. Dengan kerana itu, hasil ataupun harganya tidaklah begitu mendatangkan faedah yang besar kepada penanam-penanamnya kerana bila sahaja datang musim, merata-rata banyak buah ini keluar, datanglah perlawanan harga yang tidak terkawal dan dengan sendirinya maka harga itu jatuh dan hasil yang didapati oleh penanam-penanam ataupun pekebun-pekebun ini adalah sangat-sangat meyedihkan Tetapi dengan adanya Jabatan ini yang kita harap dari satu masa ke satu masa membuat penyelidikan-penyelidikan mengikut cara-cara moden sekarang ini supaya dapat buah-buahan ini dipelbagaikan cara-caranya supaya dapat tahan lama dan dapat diperkenalkan keluar negeri.

Misalnya, seperti yang dibuat oleh negara-negara lain, saya beri contoh buah rambutan. Saya tidak tahu samada saya salah, apa yang saya dapati sekarang rambutan yang dalam tin itu bila kita baca pada tinnya tertulis "Made in Thailand", tetapi "Made in Malaysia" saya belum berjumpa lagi, mungkin ada cuma saya belum berjumpa sahaja. Maka saya harap benda-benda yang seumpama inilah dapat dikemukakan oleh pihak MARDI, yakni rambutan ini mesti kita tinkan dan juga buah-buahan yang lain seperti papaya walaupun sekarang ini sudah ada jam papaya, mungkin barangkali boleh lagi dibuat kepada jenis-jenis yang lain merupakan kueh ataupun bahan makanan dengan nama yang lain. Dan durian sekarang ini kita tahu orang-orang Eropah tidak suka makan kerana baunya. Barangkali MARDI ada berkesempatan mencari jalan supaya dapat disukai bahan-bahan daripada durian ini dijadikan satu jenis kueh atau apa-apa yang lain yang boleh disukai oleh orang-orang Eropah. Dengan jalan ini, pasaran buah-buahan ini akan lebih meluas. Yang kita nampak sekarang durian ini sangat banyak sehingga di Kuala Lumpur ini, saya nampak tidak mengikut musim lagi, sentiasa ada sahaja. Kalau di tempat saya ada musimnya. Bila masa musim buah durian ini jatuh, harganya tinggal 30-40 sen sahaja sebiji. Orang kampung ataupun penanam-penanam durian ini pergi ke bukit-bukit

membawa turun satu kandaran yang boleh muat tidak lebih daripada 50 biji atau 60 biji.

Di sini boleh kita fikirkan kalau dijual dengan harga 30 sen sebiji, berapa sahaja mereka dapat. Tidaklah berpadanan dengan titik-peluh mereka. Tetapi kalau ada jalan-jalan yang saya katakan tadi, dapat memperluaskan pasarannya, mungkin harganya tidak akan jatuh walaupun buah itu keluar dengan banyaknya.

Begitu juga kita ada buah-buah yang lain, umpamanya di Trengganu ada sejenis buah yang tidak ada di negeri lain iaitu buah duku. Orang-orang di sini memanggil duku langsat. Kalau buah duku di Johor, saya nampak buahnya besar tetapi kulitnya tebal-tebal. Orang di sini memanggil buah itu buah duku. Tetapi di Trengganu bila sebut duku, ialah buah yang paling istimewa sekali, kulitnya nipis, bila dipicit sahaja keluar isinya boleh diambil dan rasanya sangat manis. Tetapi yang anihnya pokok ini tidak boleh ditanam di tempat lain—tidak hidup, ini yang kita hairan. Bukan sahaja di dalam Malaysia ini tidak boleh ditanam, misalnya di Kuala Lumpur atau di Selangor, di Trengganu sendiripun kita telah cuba cuma ada satu dua tempat yang tertentu, ada kampung-kampungnya di sini sahaja tumbuh pokok-pokok duku ini dengan banyaknya. Bila kita ambil benihnya ataupun anaknya tanam di tempat lain, tidak hidup, kalau hidup pun tidak mengeluarkan buah. Buktinya telah dicuba sendiri oleh Jabatan Pertanian. Dicuba menanam pokok-pokok duku ini di Pusat Pertaniannya, kalau di Trengganu di Pusat Pertanian Ajil telah ada pokok duku yang ditanam di situ berumur 13 tahun tetapi masih tidak mengeluarkan buah setelah 13 tahun ditanam. Ini juga saya rasa adalah menjadi kewajipan kepada MARDI membuat research, mencari jalan, apa sebabnya. Kalau hendak dikatakan iklim atau hawa, kenapa dengan satu kampung yang hanya jarak 10 batu sahaja sudah berlainan, tidak dapat ditanam, tentulah kalau hawa di antara 10 batu itu memang boleh dikatakan sama sahaja tetapi tidak hidup ataupun tidak mengeluarkan buahnya.

Satu perkara yang saya suka menyebutkan di sini ialah berkenaan dengan limau Langkap. Dahulu terkenal di Trengganu dipanggil limau Langkap. Manis rasanya dan terkenal di seluruh Malaysia. Tetapi sekarang limau-limau ini ada dikeluarkan dengan banyaknya di merata-rata Pantai Barat bukan sahaja di Trengganu. Di Trengganu kemasyhurannya telah hilang bahkan orang Trengganu sendiri memakan buah-buah limau yang diimpot dari Golok, Thailand. Buahnya walaupun kecil tetapi rasanya manis. Limau Langkap Trengganu sendiri telah menjadi masam, kalau tidak masam pun rasanya tawar. Ini betul kenyataan. Cuba kalau beli di pasar, tidak manis. Dengan sebab itu harganya sudah jatuh. Jadi, pekebun-pekebun limau di Trengganu sendiri telah tawar hati. Ini juga saya harap akan menjadi tugas dan kewajipan pihak MARDI menyiasat dan menyelidik apa sebabnya, apa rahsianya supaya buah-buah ini jadi manis bagaimana buah-buah yang didatangkan daripada negara jiran kita iaitu Golok. Dahulu yang diimpot dari Golok yang manis-manis ini orang, tetapi sekarang ini buah limau pula diimpot, sebab rasanya manis.

Di Trengganu sekarang ini ada kedapatan banyak tanah-tanah beres iaitu tanah-tanah pasir sepanjang-panjang pantai daripada Dungun, daripada Kemaman membawa ke Dungun terus sampai ke Trengganu dan terus sampai ke sempadan Kelantan. Tanah ini dipanggil tanah beres, tidak dapat ditanam dengan pokok buah-buahan melainkan satu dua jenis sahaja. Sekarang FIMA telah menanamkan dengan gajus atau orang Trengganu panggil jambu golok. Jambu golok ini maknanya kerana diambil daripada biji berupa cengkok seumpama ulu golok atau seperti parang. Orang Trengganu panggil jambu golok. Kalau dikata gajus, orang Trengganu tidak tahu melainkan orang yang biasa membaca akhbar sahaja yang tahu, orang kampung tidak tahu, telah cuba ditanam, nampaknya elok juga dan subur.

Yang kedua, hanya boleh ditanam pokok-pokok kelapa. Pokok kelapa ini pun tidak boleh ditanam dengan banyaknya, melainkan ada rumah-rumah perkampungan di situ barulah pokok-pokok kelapa ini subur. Barangkali mungkin daripada baja-baja waste yang kita keluarkan. Kalau dibuat dusun sepanjang-panjang ditanam kelapa sahaja pun tidak subur, banyak yang terbengkalai yang sampai hari ini saya nampak belum lagi dapat dikemukakan rahsianya selain daripada pokok kelapa dan juga gajus yang boleh ditanam bagi mengeluarkan hasil daripada tanah-tanah beres ini. Ini juga saya rasa menjadi tugas kepada MARDI untuk menyiasat dan mencari rahsia-rahsianya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita sekarang menggalakkan rakyat supaya berikhtiar membanyakkan bahan-bahan makanan dengan pelancaran Buku Hijau dan dengan pelancaran rancangan memperbagaikan jenis-jenis tanaman. Maka sudah kena pada masanya MARDI mengeluarkan hasil-hasil pendapatannya dalam rupa bentuk risalah-risalah ataupun buku-buku supaya dapat disebarkan kepada rakyat dengan cara yang detail supaya betul-betul dapat berkesan bila sahaja diterima oleh rakyat risalah-risalah ini mereka boleh membaca dan boleh mempraktikkan. Bukan sahaja dalam bahagian pertanian yang saya maksudkan tetapi juga bahagian-bahagian yang lain seumpama pemeliharaan ternakan, kerana ini juga barangkali mungkin boleh dibuat, ayam itek, ikan-ikan air tawar sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Udang, pada hari ini kita tahu udang adalah mendapat pasaran yang sangat baik terutama di Jepun dan lain-lain negeri, tetapi setakat yang kita tahu udang ini dikeluarkan dengan banyaknya di Sabah dan Sarawak, di Semenanjung Malaysia Barat sendiri barangkali di sebelah Pantai Barat ini ada sedikit iaitu di sebelah Perak ada dipelihara. Tetapi di sebelah Pantai Timur sebenarnya belum ada orang memelihara udang secara besar-besaran. Walaupun ada orang-orang yang berminat hendak mengusahakannya tetapi oleh kerana tidak tahu tekniknya, cara-caranya maka belumlah dapat usaha-usaha ini dijalankan. Kita harap pihak Jabatan Pertanian mengeluarkan buku-buku panduan yang saya maksudkan tadi supaya dapat kita usahakan perusahaan-perusahaan yang seumpama ini yang mana akan menguntungkan pada orang-orang kampung, petani-petani yang selama ini memang penghidupan mereka tidak begitu memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja sedikit sebanyak harapan saya kepada Jabatan Pertanian dan MARDI yang tidak lupa saya nyatakan setakat ini telah banyak mengeluarkan kajian-kajian bagi faedah pembangunan negeri kita, kita ucapkan syabas dan terima kasih kepada pegawai-pegawainya yang mempunyai kebolehan yang tidak kurang juga daripada pakar-pakar daripada negara-negara luar.

7.09 mlm.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini, tetapi kalau menyokong sahaja, saya fikir tidak bagus kalau tidak memberi faedah kepada Kementerian Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau sekiranya dimasukkan dalam suratkhabar berkenaan dengan Rang Undang-undang ini, tentulah rakyat bertanya iaitu Rang Undang-undang ini dibuat untuk menukar nama pangkat daripada Pengarah kepada Ketua Pengarah dan daripada Timbalan Pengarah kepada Timbalan Ketua Pengarah, tentulah rakyat berfikir mereka ini berebut dengan pangkat dan namanya dipentingkan, dibuat satu Rang Undang-undang tukar pangkat. Selalu sahaja apabila Rang Undang-undang digubal oleh Attorney-General, Solicitor-General dan pakar-pakar undang-undang, itu sahaja kerjanya mereka nama-nama pangkat sahaja. Jadi, rakyat ramai memikirkan MARDI ini berkehendakkan nama ketua-ketua sahaja, namanya bukan main besar. Jadi, jangan dimasukkan dalam TV ataupun suratkhabar kerana memalukan. Sebab apa nama Ketua Pengarah dan sebagainya tak perlu beritahu rakyat. Bagi saya juga nama-nama itu tidak jadi masaalah, kalau suka namakanlah samada jin, namakan gergasi atau apa sahaja tak jadi soal kepada rakyat. Tetapi yang penting sekali pada Kementerian ini ialah penyelidikan. Ini penting oleh kerana petani, rakyat yang dikampung-kampung itu berkehendakkan bukannya nama Ketua Pengarah atau Timbalan Pengarah atau masaalah Jawatankuasa itu kena sain atau tidak sain itu. Orang kampung tak mahu dengar hal itu, kita sahaja yang mahu dengar. Yang penting sekali apa kerja yang dibuat sampai hari ini. Saya tahu ada kerja-kerja yang dibuat tetapi penyelidikan ini kurang berjalan.

Saudara saya daripada Trengganu tadi menyatakan penyelidikan penting, sebab di negeri-negeri yang sudah maju atau masih berkehendakkan kemajuan, penyelidikan penting samada di lapangan pertanian atau perindustrian. Kalau industri itu kita katakan hendak buat kertas, kertas itu kalau boleh jangan dapat disiat.

Sampai di situ sekali mesti diselidiki bagaimana kertas itu boleh tahan lama. Kalau dibuat kotak kalau dihimpit walaupun dengan satu tan benda di atasnya dia tak boleh kempis. Ini siasatan yang mesti dijalankan, bukan secara mengubah nama Pengarah, ketua sains, entah apa-apa sains, tetapi yang penting sekali adalah penyelidikan dibuat

seperti yang saya nampak di luar negeri. Dengan sebab itu, saya haraplah kepada Timbalan Menteri berkenaan hantarlah sebanyak-banyaknya pemuda-pemuda kita pergi belajar, pergi menyelidik, pergi ke luar negeri sebab, Tuan Yang di-Pertua, contohnya Jepun di Zaman Meiji hingga kepada SHOWA di dalam tempoh 15 tahun negeri Jepun menjadi satu negeri yang cukup maju bukan macam kita selepas merdeka 20 tahun, sebelum itu pun negeri kita telah maju, tetapi negeri Jepun daripada Zaman Meiji kepada SHOWA dalam 15 tahun boleh mengalahkan Russia di atas kemajuan-kemajuannya. Apa sebab boleh? Tetapi kita baru hendak tukar nama Pengarah, Ketua Pengarah, ini yang rakyat dukacita sangat. Rakyat berkehendakkan lebih banyak lagi penyelidikan, kalau tak ada cukup pegawai, hantar pegawai keluar negeri, kalau kurang pelajaran keluarkan lebih banyak lagi wang sebab ini akan menguntungkan negara pada masa akan datang. Inilah yang dikehendaki oleh negara yang muda macam negara kita ini. Cuba kita fikir mengenai betik. Kelmarin ada yang bercakap berkenaan dengan lembu betina, lembu jantan, lembu yang ada daging, yang tak ada daging, ada lembu yang lembut dan tak lembut dagingnya. Pada hari ini ada betik muda, getah daripada betik itu boleh melembutkan daging-daging, tak payah dimasak begitu lama, tetapi ini adakah kita buat penyelidikan dengan besar-besaran. Adakah atau tidak kita buat kajian, adakah diberitahu hasilnya kepada rakyat?

Pada masa saya kecil dahulu daun senduduk itu dimasukkan dalam daging, daging itu jadi cukup lembut. Adakah disiasat apa yang ada di dalam senduduk? Tak ada. Tak dibuat. Cuma yang dibuat, Tuan Yang di-Pertua, ialah berkenaan dengan menukar nama-nama sahaja. Jadi saya tidaklah hendak bercakap panjang berkenaan hal ini tetapi nampaknya kita terpaksalah menukar haluan kita. Kita terpaksalah menukar fikiran kita, kita terpaksalah betul-betul kalau hendak maju bukan sahaja tiap-tiap kali kita hendak buat undang-undang suruh Attorney-General atau Solicitor-General kita atau pakar-pakar untuk menukar nama apa pangkat yang baik, apa pangkat yang lebih baik. Kita buat undang-undang secara begini, kemudian kita bahaskan di dalam Dewan ini. Ini saya ingat bukan masanya lagi, tetapi kita terpaksa bekerja keras, buat kerja betul-betul supaya pada satu hari akan datang negara kita akan lebih makmur lagi dan lebih maju lagi daripada negara-negara lain.

7.15 mlm.

Datuk Abdul Aziz bin Tapa: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan) 1976 ini. Pertama sekali, saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan adanya perubahan nama ini pula maka dapatlah dibuat kerja-kerja yang sesuai dengan nama-nama itu. Kadang-kadang orang berfikir apalah gunanya nama ini, tetapi nama ini perlu. Umpamanya, Datuk Nik Hassan boleh dikata "Cik Awe" tetapi kalau dikata "Cik Awe" seluruh orang Kelantan hendak panggil "Cik Awe", serupa belaka, tetapi oleh sebab kita hendak tentukan (specific) bahawa inilah manusianya yang bernama Datuk Nik Hassan, maka dinamakanlah Datuk Nik Hassan dan tahulah kita bahawa Yang Berhormat itu seorang yang pintar mencari rahsia dan dibuka di dalam Dewan ini. Maka inilah nama itu perlu Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua, saya nampak dengan Undang-undang ini maka lebih banyak Kementerian ini berkehendakkan kemajuan kepada MARDI iaitu satu badan yang kerjanya menyiasat berkenaan dengan pertanian di-negara kita ini. Saya bersetujulah sebagaimana yang diutarakan oleh Datuk Mansor dan Raja Datuk Nong Chik tadi, saya cuba hendak tekankan berkenaan dengan racun-racun. Saya pernah bertani juga, jadi saya tahu racun-racun yang dibuat sekarang kebanyakannya berkesan dari satu segi umpamanya racun rumput padi, dibuatkan racun rumput padi, padi tidak mati tetapi rumput padi yang mati. Ini satu kemajuan yang mengkagumkan tetapi apabila diracun rumput padi, ikan pula yang mati. Ini satu masaalah. Saya tidak berapa faham tentang ikan laut, tetapi saya tahu menangkapnya sahaja dengan mengikut orang pergi mengail. Tetapi kalau ikan darat saya memang biasa kerana pada masa kecil dahulu saya menjadi penangkap ikan dan saya dapati ikan-ikan darat seperti haruan, sebarau dan sebagainya adalah senang kita dapati di kampung-kampung tidak perlu ke pasar hendak membeli ikan itu. Tetapi hari ini ikan-ikan ini sukar didapati terutama macam ikan betuk, haruan, sebarau dan lain-lainnya, semua sudah mati kena racun. Jadi, orang kampung sudah tak dapat makan ikan lagi, dia hendak

beli ikan laut terlalu mahal harganya, hendak beli udang laut sekarang di Melaka harganya barangkali $8.00 sekati. Manalah orang-orang yang berpendapatan $60 sebulan itu mempunyai kemampuan hendak makan ikan yang mahal itu. Kita tahu dari segi kesihatan, kalau tak dapat makan ikan, boleh menyebabkan mata buta kerana kekurangan protein. Kadang-kadang kalau kita makan ayam kita terasa jemu, hari-hari ayam sahaja, jemu. Tetapi kalau ikan, hari ini ikan betok, besok ikan haruan, lusa ikan sebarau, tulat kita cari udang galah, tak jemu. Kemudian selepas itu campur dengan terong lagi sedap. Saya harap kalau MARDI yang hendak dimajukan dengan nama-nama Pengarah menjadi Ketua Pengarah dan sebagainya supaya dapat menyiasat jenis racun yang tidak boleh membunuh ikan. Kalau dapat itu besok baru bagus. Khabarnya ikan belut, saya tengok ikan belut kena racun, saya racun rumput, tak sampai dua minit mati tergolek. Ikan haruan begitu juga bila kita siram sahaja racun sekejap sahaja habis. Jadi cari satu racun supaya ikan ini jangan mati. Ini kerja sainslah, saya tukang cakap. Kemudian pula ikan-ikan belot khabarnya cukup bagus dan boleh diekspot ke luar negeri. Khabarnya ada peniaga-peniaga dari Jepun yang hendak ikan belot ini tetapi kita tak boleh keluarkan kerana sudah habis kena racun. Jadi nampaknya saya lebih banyak kepada penyiasatan racun-racun supaya ikan kita jangan mati dan dapat orang-orang kampung menikmati zat yang diberi oleh Tuhan. Kita selalu dapat nikmat dari Tuhan, kadang-kadang kita sendiri membunuh nikmat itu dengan tidak mengira orang lain. Ini kita patut fikirkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga minta MARDI ini menyiasat bagaimana kita boleh memperkembangkan ikan-ikan yang tidak boleh dipelihara. Ada satu ikan yang mahal dari Pahang, ikan jelawat yang kononnya cukup susah hendak dipelihara, ada musim ditemui. Penyiasatan hendaklah dibuat kerana ikan ini cukup bagus. Khabarnya diekspot ke Hongkong, berpuluh-puluh ringgit sekati. Kalau ikan ini dapat dipelihara cukup sedap dan bagus dan macam ikan sebarau sekarang kalau di sungai payah sangat hendak dapat ikan sebarau, saya tahu. Tetapi ikan sebarau ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita masak lemak dan bubuh lada api, kata orang lada Melaka memang kelior dan terkenang-kenang, makan sekali hendak kedua, emak mertua lalu di belakang pun tak nampak kalau dihidangkan gulai ikan sebarau. Nombor satu kepalanya, nombor dua sebelah perutnya, bukan tali perutnya, daging di sebelah perutnya itu memang sedap. Jadi, itulah saya minta dari pihak MARDI menyiasat ikan-ikan ini macam mana boleh dipelihara. Jangan kita bawa lampam jawa, dari jauh-jauh kita bawa, talapia, dagingnya tak sedap, saya sudah cuba. Ikan negeri kita lebih baik. Inilah kita di Malaysia selalunya begitu, apa yang ada pada dia tak bagus tetapi orang luar punya bagus. Kasut buatan Kulitkraf tak bagus tetapi kasut dari German-Obermain $75 satu pasang itu yang bagus. Ini pemikiran zaman penjajah dahulu, kalau tak pakai kasut Leonard tak berkasutlah. Sikap ini hendaklah ditukarkan. Kita orang Malaysia, kita harus sesuai bagaimana kita boleh hidup dengan suasana kita. Inilah, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya meratus pun tidak berapa bagus kerana masa sudah hendak cukup.

Itulah sahaja saya sesungguhnya menyokong Rang Undang-undang ini dengan sepenuhnya.

7.25 mlm.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini dan saya merasa bahawa Rang Undang-undang ini sejak berjalan dahulu banyak kelemahan-kelemahan yang tak dapat disempurnakan oleh pihak MARDI ini. Mujurlah pihak Kerajaan sedar bahawa dengan kelemahan-kelemahan itu dia telah berunding membuat berbagai pindaan bagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi.

Dalam masaalah MARDI ini, Tuan Yang di-Pertua, menurut jawapan soalan saya yang telah dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan lebih 23 pusat MARDI telah ditubuhkan dalam negeri ini dengan tujuan supaya dapat menyelidik dan mengkaji dari semasa ke semasa bahan-bahan berhubung dengan pertanian, termasuk biji-bijian, buah-buahan, ternakan termasuklah juga yang baru sebentar dikatakannya tadi ikan air tawar dan udang. Ini sangat menggalakkan bahawa perkara-perkara ini memang tumbuh dan subur dalam tanah air kita. Tujuan kita supaya dapat benih-benih yang telah diselidik dan dikaji oleh MARDI ini dapat disampaikan kepada petani-petani kita dan juga kalau boleh diberi kepada swasta bukan sahaja untuk digunakan dalam negeri ini boleh kita ekspot keluar negeri.

Saya sangat tertarik hati dalam masaalah penyelidikan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak katakan satu perkara yang membanggakan kita iaitu baru-baru ini MARDI telah cuba menyelidik berhubung dengan benih nenas. Kalau dahulu kita sangat susah mendapat benih nenas dengan banyak tetapi dengan kebijaksanaan Badan ini bahawa nenas itu boleh berkembang dengan begitu cepat dan boleh kita edarkan kepada petani-petani kita. Kemudian satu perkara lagi dalam masaalah beras, dia sangat bangga beras dia tetapi malangnya bila diselidik dan cuba ditanam padi itu beras yang dimasakkan oleh peladang kita itu tak sampai setengah jam beras itu sudah keras, walaupun hasilnya banyak. Diberi tahu kepada suratkhabar, diberitahu radio dan talivisyen memetik padi itu, ini memang kerja Kerajaan kita begitu dengan tujuan dapat menggambarkan usahanya bersungguh-sungguh itu terutama Menteri Pertanian. Jarang-jarang kita tengok tiap-tiap minggu itu yang tak ada bahagian pertanian kalau tak Timbalannya, Menterinya. (*Ketawa*) Apa yang membosankan penanam padi kita ialah beri satu benih yang dikatakan jumlah angkanya boleh baik, tetapi bila dimasakkan berasnya keras, tidak lembut. Jadi hal yang macam ini pada segi makanan manusia, manusia memang hendak pilihan.....

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Nasinyakah yang keras atau berasnya?

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Nasinya, minta maaf. Jadi, betullah barangkali apa yang saya tegur, Kementerian ini sedar apa yang saya cakapkan. Jadi nasi itu cepat sangat dia keras, jadi kurang.....

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk boleh menyambung esok hari. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.